قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu)."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Baqarah, ayat 155

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 133 | 5 NOVEMBER 2025 / 1447 جمادي الأول 14 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# TINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA, TEROKA BIDANG KERJASAMA BAHARU



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi** ***(Lihat muka 3 hingga 4)*****.**

# Pupuk kerjasama awam-swasta optimakan teknologi, inovasi

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**JERUDONG**, Isnin, 3 November. - Sidang Kemuncak Baiduri Momentum tahunan ini telah berkembang menjadi sebuah forum penting untuk menentukan hala tuju bukan sahaja bagi pasaran kewangan, tetapi juga untuk memahami bagaimana perubahan struktur dalam ekonomi global membentuk cara berdagang, melakukan pelaburan dan bekerjasama di masa hadapan.

Dengan bertemakan, 'Geo-Economic Fragmentation', ia menggambarkan cabaran paling signifikan dalam era global masa kini. Di peringkat dunia, persaingan strategik, sekatan perdagangan dan pembangunan ekosistem teknologi yang berbeza sedang mengubah bentuk globalisasi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berucap sedemikian pada Sidang Kemuncak Baiduri Momentum 2025 yang berlangsung di Indera Samudra, The Empire Brunei, hari ini.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menambah, rantaian bekalan kini lebih tertumpu di rantau masing-masing, pelaburan dibuat dengan mengambil kira aspek keselamatan dan negara-negara sedang mencari keseimbangan antara keterbukaan ekonomi dan daya tahan mereka.

"Walaupun sebahagian daripada pemecahan mungkin sukar dielakkan, pembuat dasar perlu menguruskan risiko dengan bijak sambil memastikan manfaat daripada keterhubungan global tidak hilang.

"Bagi ekonomi kecil dan terbuka di Negara Brunei Darussalam (NBD), ini bermakna memperkukuh asas ekonomi, mengeratkan kerjasama serantau dan mengekalkan ketahanan dasar untuk menghadapi perubahan global yang berterusan.

**>> Muka 8**

# Tindakan tegas, bersepadu menangani kesihatan mental kanak-kanak

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**GADONG**, Isnin, 3 November. - The ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR), Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menganjurkan 'Consultation on Right to Mental Health (AHRD 29 (1)) in the Digital Age with a focus on protection of the Mental Health of Children' bertempat di The Centrepoint Hotel, Gadong, hari ini.

Sesi ini dihadiri oleh wakil-wakil daripada negara-negara anggota ASEAN kepada AICHR. Perundingan ini menghimpunkan penggubal dasar, pakar kesihatan mental kanak-kanak, pakar keselamatan digital dan pengamal penguatkuasaan undang-undang untuk membincangkan kaedah untuk menangani cabaran yang dihadapi di rantau ASEAN berhubung kesan persekitaran digital terhadap kesejahteraan kanak-kanak.

**>> Muka 10**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



MEMANTAPKAN ajaran, penghayatan Islam di NBD

Muka 7



MEMPERKUKUH kerjasama serantau dalam perlindungan sosial inklusif, berdaya tahan

Muka 11



INTERVENSI awal pastikan pendidikan saksama

Muka 13



RENCANA

BIASAKAN diri makan buah, sayur

Muka 21

# Penyertaan aktif kesemua pihak perlu dalam menangani pengangguran

**Bismillahhir Rahmanir Rahim.**

**TERLEBIH** dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Pusat Pekerjaan Brunei (Job Centre Brunei) atas penganjuran program ini, terutamanya atas undangan untuk saya hadir selaku tetamu kehormat. Usaha ini bukan sahaja membuka peluang pekerjaan tempatan, malah membuktikan komitmen Kerajaan dalam memperkukuh ekosistem pekerjaan yang inklusif, berdaya tahan dan mampan.

Jelajah Kerjaya 2025 merupakan kesinambungan daripada inisiatif yang mula diperkenalkan pada tahun 2024, sebagai platform yang menghubungkan pencari kerja tempatan dengan majikan di daerah masing-masing, termasuk melalui sesi temu duga terbuka. Pendekatan ini jelas membantu memudahkan proses pengambilan pekerja serta memberi keutamaan kepada penduduk setempat untuk mengisikan jawatan-jawatan yang ditawarkan.

Kita sedia maklum bahawa isu pengangguran kekal menjadi antara agenda utama negara. Berdasarkan Kajian Tenaga Kerja 2024, kadar pengangguran negara dicatatkan 4.7 peratus, menurun daripada 5.1 peratus pada tahun sebelumnya. Walaupun ini menunjukkan perkembangan positif, kita tidak boleh berpuas hati.

Berdasarkan rekod tahun lalu, Jelajah Kerjaya berjaya menarik lebih 800 pencari kerja tempatan dan mengisi lebih 500 jawatan kosong. Ini adalah pencapaian bermakna hasil kerjasama padu antara pihak industri, institusi pendidikan, institusi latihan dan agensi-agensi berkaitan. Oleh itu, saya berharap tahun ini kita akan mencapai keputusan yang lebih tinggi lagi.

Dalam konteks ini, pendekatan Whole of Government dan Whole of Society amat penting. Usaha menangani pengangguran dan meningkatkan kecekapan tenaga kerja tidak boleh dipikul oleh kerajaan semata-mata, tetapi memerlukan penyertaan aktif kesemua pihak, termasuk syarikat, institusi pendidikan, pertubuhan masyarakat, keluarga dan bahkan individu.

Dalam masa yang sama, kita turut berhadapan dengan cabaran seperti ketidakpadanan kemahiran, kestabilan pekerjaan serta kebergantungan terhadap sektor tertentu. Oleh itu, usaha memperkukuh kemahiran tenaga kerja perlu diteruskan melalui program latihan semula (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) agar pekerja sentiasa bersedia menghadapi perubahan industri.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengongsikan sedikit cerita, tentang seorang graduan muda baru-baru ini, yang mencari pekerjaan selama berbulan-bulan tanpa berputus asa. Setiap kali gagal, *she never complains*, tetapi beliau menjadikannya sebagai pengajaran yang membentuk bina *character* diri. Dari satu temu duga ke satu temu duga, beliau menyedari kekuatan dirinya, bukan sekadar pada kelulusan ijazahnya, tetapi pada keupayaan beliau berkomunikasi secara efektif dan membolehkan beliau berfikir secara kritikal.

Alhamdulillah, kini beliau telah pun mendapat pekerjaan. Walaupun pekerjaan beliau berbeza daripada bidang pengajiannya, beliau tetap bersyukur kerana berpeluang untuk berdikari dan menyara keluarganya. Peluang ini juga membolehkan beliau menimba pengalaman berharga serta meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahirannya. Kejayaan beliau ini mencerminkan dedikasi dan kesungguhan diri, disokong oleh pelbagai program *upskilling* dan *reskilling* yang disediakan oleh kerajaan.

Kisah seperti ini, saya amat gembira melihat perubahan minda dalam sebahagian kalangan pekerja, khususnya para belia kita hari ini. Mereka kini berani mencuba pelbagai bidang, menyesuaikan diri dengan cabaran dan manfaatkan peluang yang ada. Inilah semangat yang perlu kita tanai iaitu semangat berusaha dan sentiasa tekun untuk ingin maju.

Dalam usaha memperkukuhkan pasaran kerja dan memastikan kesejahteraan rakyat di negara ini dipelihara, dengan berkat kepimpinan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, baginda telah memperkenankan pelaksanaan Upah Minima ataupun Minimum Wage melalui Employment (Minimum Wage) Order, 2023, yang dikuatkuasakan secara berperingkat-peringkat mulai 12 Julai 2023 dan diperluaskan lagi pada 1 April 2025 bagi beberapa sektor tertentu. Tujuan ini adalah bagi memberikan peluang untuk majikan di sektor-sektor tertentu untuk menyesuaikan diri agar pelaksanaannya berjalan lancar tanpa membebankan mana-mana pihak.

Walau bagaimanapun, setiap syarikat juga mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan *job security* dan pengurusan tenaga kerja yang beretika. Apa yang diamati, pemberhentian pekerja secara berulang atau pengurangan tenaga kerja yang tidak dirancang bukan sahaja memberi kesan kepada individu, tetapi juga menambah kos operasi jangka panjang.

Syarikat yang mengekalkan tenaga kerja mahir, melabur dalam latihan dan membina budaya kerja positif sebenarnya akan menikmati produktiviti yang lebih tinggi serta reputasi yang kukuh di pasaran. Pelaburan terhadap pekerja bukanlah kos semata-mata, tetapi satu pelaburan strategik asas kepada daya tahan ekonomi dan kestabilan sosial negara.

>> Muka 19



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Majlis Perasmian Jelajah Kerjaya 2025 Daerah Brunei dan Muara pada Khamis, 16 Oktober 2025 yang berlangsung di BRIDEX Hall 2, Kampung Jerudong.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| NOVEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | RABU | 14 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 6 | KHAMIS | 15 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 7 | JUMAAT | 16 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 8 | SABTU | 17 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 9 | AHAD | 18 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 10 | ISNIN | 19 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.14 |
| 11 | SELASA | 20 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.14 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 31 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Tutong | 31 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 31 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 5 NOVEMBER 2025

### Kesihatan amanah Allah mesti dijaga

**KESIHATAN** tubuh badan merupakan permata hidupan yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala. Ia adalah nikmat yang tidak ternilai, yang hanya benar-benar dirasai apabila kita kehilangannya. Tiada seorang pun yang menginginkan sakit, kerana sakit bukan sahaja melemahkan tubuh, bahkan membataskan kemampuan untuk beribadah, bekerja, dan berbakti kepada keluarga. Justeru, Islam sebagai agama yang syumul amat menitikberatkan soal kesihatan, malah menyeru umatnya agar sentiasa berwaspada dan mengambil langkah pencegahan daripada sebarang penyakit.

Islam tidak mengajar umatnya untuk berpeluk tubuh apabila ditimpa musibah kesihatan. Sebaliknya, kita diperintahkan untuk berusaha mencari penawar, berubat, dan berikhtiar, kerana kesihatan adalah faktor utama yang menjadikan umat Islam kuat dan berdaya saing. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda dalam hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu katanya: "*Seorang mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala daripada seorang mukmin yang lemah*". Hadis ini jelas menunjukkan bahawa kekuatan jasmani dan rohani adalah kunci kecemerlangan hidup seorang Muslim.

Islam juga menuntut keseimbangan. Tubuh yang sihat lahir daripada pemakanan sederhana, tidur yang cukup, dan aktiviti fizikal yang konsisten. Namun, kesihatan tidak hanya terbatas pada jasmani. Jiwa yang tenteram melalui solat, zikir, dan doa adalah benteng daripada tekanan hidup. Apabila jasmani dan rohani berpadu, lahirlah insan yang seimbang, tabah, dan mampu menghadapi cabaran dunia moden.

Di samping itu, amalan pemakanan seimbang adalah asas kesihatan. Kurangkan gula, garam, dan lemak; perbanyakkan buah-buahan, sayur-sayuran, serta sumber protein yang baik. Aktiviti fizikal pula jangan dipandang ringan. Berjalan kaki, berjoging, atau berbasikal bukan sahaja menyihatkan tubuh, malah menyegarkan minda. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri menggalakkan umatnya untuk berenang, memanah, dan menunggang kuda. Perkara ini membuktikan bahawa gaya hidup aktif adalah sunnah yang membawa manfaat.

Sementara menjaga kebersihan adalah sebahagian daripada iman. Rumah yang bersih, makanan yang terjaga, dan persekitaran yang sihat mampu mencegah penyakit berjangkit. Namun, kesihatan mental juga tidak boleh dipandang sepi. Tekanan hidup, jika tidak diurus, boleh merosakkan kesejahteraan diri. Oleh itu, Islam mengajar kita mencari ketenangan melalui ibadah, berkomunikasi dengan keluarga, dan membina hubungan sosial yang harmoni.

Selain itu, amalan cara hidup sihat bukan hanya tanggungjawab individu. Ibu bapa perlu mendidik anak-anak sejak kecil, sekolah berperanan membentuk budaya sihat, manakala kerajaan menyediakan kemudahan rekreasi dan pusat kesihatan. Apabila semua pihak berganding bahu, lahirlah masyarakat yang sihat, produktif, dan berdaya maju.

Kesimpulannya, kesihatan adalah amanah Allah yang mesti dijaga. Dengan tubuh yang sihat, ibadah dapat dilaksanakan dengan sempurna, masyarakat menjadi kuat, dan negara terus makmur. Amalan cara hidup sihat bukan sekadar pilihan, tetapi satu ibadah yang mendekatkan kita kepada Allah. Maka, marilah kita jadikan kesihatan sebagai budaya hidup, agar kita mampu melangkah dengan gagah di dunia dan meraih kebahagiaan di akhirat. – **Ketua Penyuntingan (Rd)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوليه جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Tingkatkan hubungan dua hala, teroka bidang kerjasama baharu





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengalu-alukan dan menerima mengadap Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong yang berada di negara ini bagi menghadiri Program Pemimpin-pemimpin Muda (YLP) Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura Kali Ke-11 bermula hari ini hingga 4 November 2025 (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Ahmad**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi tadi berkenan berangkat bagi mengalu-alukan dan menerima mengadap Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong yang berada di negara ini bagi menghadiri Program Pemimpin-pemimpin Muda (YLP) Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura Kali Ke-11 bermula hari ini hingga 4 November 2025.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman.

Turut berangkat ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura membincangkan perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama ke arah meningkatkan lagi hubungan dua hala yang sedia ada dan mengalu-alukan penerokaan bidang-bidang kerjasama baharu.

**>> Muka 4**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura (atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, sekitar Majlis mengadap tersebut yang berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman.**









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari bersama Tuan Yang Terutama Lawrence Wong. Berangkat sama ke Majlis Santap Tengah Hari tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (atas dan bawah kanan).**

**>> Muka 3**

Dalam hal ini, kedua-dua pemimpin mengesahkan komitmen untuk mengekalkan hubungan istimewa dan unik yang lama terjalin di antara kedua-dua buah negara antara lain melalui pertukaran mata wang, pertahanan dan pertukaran antara rakyat.

Turut berangkat hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Delegasi Republik Singapura yang hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Pembangunan Negara, Tuan Yang Terutama Chee Hong Tat; Menteri Negara Kanan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Dr. Koh Poh Koon; Menteri Negara, Kementerian Penerangan dan Pembangunan Digital dan Kementerian Pendidikan, Puan Yang Terutama Jasmin Lau; Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia dan Kementerian Kemampanan dan Sekitaran, Ms. Goh Hanyan; Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Negara, Dr. Syed Harun Alhabsyi; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD Tuan Yang Terutama Laurence Bay.

Turut hadir pada Majlis Mengadap berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Menteri Pengiring; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Selepas Majlis Mengadap, Majlis Santap Tengah Hari telah diadakan di Baiturrahmah, Istana Nurul Iman.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura telah mengadakan lawatan rasmi ke negara ini pada 11 Jun 2024 sebagai Perdana Menteri Republik Singapura Ke-4.









**SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama TYT Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura pada majlis berkenaan (atas, atas kanan dan kanan).**



**DOA Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.**

# BERKENAN BERANGKAT MENANDATANGANI BUKU UCAPAN TAKZIAH

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit**





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku wakil kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Kedutaan Besar Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam bagi menandatangani Buku Ucapan Takziah berikutan kemangkatan Her Majesty Queen Sirikit, the Queen Mother of Thailand (kiri dan atas).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 4 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku wakil kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat ke Kedutaan Besar Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam bagi menandatangani Buku Ucapan Takziah berikutan kemangkatan Her Majesty Queen Sirikit, the Queen Mother of Thailand pada 24 Oktober 2025.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Diraja Thailand, Kittivudh Pinyowit, serta pegawai-pegawai kanan Kedutaan.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, untuk menandatangani Buku Ucapan Takziah.

# DPMM berkenan menerima mengadap



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong yang berada di negara ini selama dua hari pada 3 hingga 4 November 2025 bagi menghadiri Program Pemimpin-pemimpin Muda (YLP) Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura Kali Ke-11.

Turut berangkat pada majlis yang berlangsung di Qashr Al-Meezan, malam tadi ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador - at - Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Hadir bersama Tuan Yang Terutama Lawrence Wong pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Pembangunan Negara, Tuan Yang Terutama Chee Hong Tat; Menteri Negara Kanan, Kementerian Kesihatan & Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Dr. Koh Poh Koon; Menteri Negara, Kementerian Penerangan dan Pembangunan Digital & Kementerian Pendidikan, Puan Yang Terutama Jasmin Lau; Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia & Kementerian Kemampanan dan Sekitaran, Ms. Goh Hanyan; Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Pendidikan & Kementerian Pembangunan Negara, Dr. Syed Harun Alhabsyi dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Laurence Bay.

Selepas Majlis Mengadap, Majlis Santap Malam telah dihoskan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bagi mengalu-alukan lawatan Tuan Yang Terutama dan delegasi sempena YLP NBD dan Republik Singapura Kali Ke-11.

YLP Ke-11 merupakan program pertukaran tahunan di antara NBD dan Republik Singapura bagi meningkatkan hubungan dua hala yang telah lama terjalin serta bagi pemimpin-pemimpin masa depan bertukar-tukar pandangan mengenai kerjasama dua hala, serantau dan pembangunan global.

Program tersebut dihoskan secara bergilir-gilir antara kedua buah negara, di mana kali terakhir program ini diadakan ialah pada tahun 2024 di Republik Singapura.

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong (atas kiri). Turut berangkat ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Juga berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (atas).**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam bagi mengalu-alukan lawatan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura.**

PELITA BRUNEI

# TYT LAWRENCE WONG SERTA ROMBONGAN BERLEPAS MENINGGALKAN NBD



**PERDANA Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong serta rombongan bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah menghadiri Program Pemimpin-pemimpin Muda (YLP) Kali Ke-11.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammas Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 November. - Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong serta rombongan, hari ini bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah menghadiri Program Pemimpin-pemimpin Muda (YLP) Kali Ke-11.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Menteri Pengiring; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; serta Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Semasa berada di NBD, Tuan Yang Terutama serta delegasi telah mengadap Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM; serta mengadakan lawatan ke Jerudong Park Medical Centre, Pantai Jerudong Specialist Centre, dan Gleneagles Jerudong Medical Centre.

Rombongan TYT diiringi oleh Menteri Pembangunan Negara, Tuan Yang Terutama Chee Hong Tat; Menteri Negara Kanan, Kementerian Kesihatan & Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Dr. Koh Poh Koon; Menteri Negara, Kementerian Penerangan dan Pembangunan Digital & Kementerian Pendidikan, Puan Yang Terutama Jasmin Lau; Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia & Kementerian Kemampanan dan Sekitaran, Ms. Goh Hanyan; dan Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Negara, Dr. Syed Harun Alhabsyi.

Lawatan TYT ke NBD bagi Program YLP Ke-11 berkenaan menunjukkan hubungan istimewa dan unik antara kedua-dua buah negara dan komitmen berterusan kepada platform YLP ke arah meneroka peluang-peluang bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang-bidang yang berkepentingan bersama pada masa yang akan datang.

# JPMC, Gleneagles JPMC terima kunjungan Perdana Menteri Republik Singapura




**PERDANA Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong semasa kunjungan hormat ke Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan Gleneagles JPMC (kiri). Sementara gambar bawah, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura ketika lawatan tersebut.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**JERUDONG**, Isnin, 3 November. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan Gleneagles JPMC mengalu-alukan kunjungan hormat daripada Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong ke Pusat Perubatan berkenaan, petang tadi.

Ketibaan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura dialu-alukan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Gleneagles JPMC.

Mengiringi rombongan dari Republik Singapura ialah Menteri Pembangunan Negara, Tuan Yang Terutama Chee Hong Tat; Menteri Negara Kanan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Dr. Koh Poh Koon; Menteri Negara, Kementerian Penerangan dan Pembangunan Digital dan Kementerian Pendidikan, Puan Yang Terutama Jasmin Lau; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Laurence Bay; Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia dan Kementerian Kemampanan dan Sekitaran, Ms. Goh Hanyan; dan Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Negara, Dr. Syed Harun Alhabsyi.

Turut hadir semasa lawatan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Menteri Pengiring; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Tujuan lawatan tersebut adalah untuk meninjau secara langsung kemudahan penjagaan kesihatan dan rawatan, serta memahami pelbagai perkhidmatan perubatan dan kepakaran yang disediakan di JPMC serta rawatan jantung di Gleneagles JPMC.

TYT Lawrence Wong dan rombongan telah diberikan taklimat mengenai JPMC, Gleneagles JPMC, serta pembentangan mengenai Pioneering Citizen-centric Health Transformation Darussalam (Perintis Transformasi Kesihatan Berpusatkan Rakyat di NBD).

TYT kemudian berpeluang melawat kemudahan moden di JPMC yang berpusat di Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre (BNSRC) dan The Brunei Cancer Centre (TBCC), khususnya Bilik Terapi Robotik dan Jabatan Perubatan Nuklear.

Di BNSRC, Jabatan Perubatan Pemulihan menggunakan teknologi pemulihan robotik yang inovatif bagi membantu pesakit pulih daripada kecacatan dan mengubahnya menjadi peluang.

Antara teknologi tersebut ialah sistem Armeo dan Lokomat iaitu satu-satunya sistem pemulihan robotik seumpamanya di rantau ini.

Peranti canggih ini menyokong pesakit yang mengalami keadaan neurologi dan muskuloskeletal dengan membimbing pergerakan mereka serta menyediakan terapi pemulihan intensif yang disasarkan.

Direka untuk meningkatkan hasil pemulihan pesakit, sistem Armeo dan Lokomat membantu memulihkan fungsi, meningkatkan mobiliti, dan mempercepatkan proses pemulihan melalui terapi berulang yang berpaksikan data.

Di TBCC pula, rombongan melawat Jabatan Perubatan Nuklear yang memainkan peranan penting dalam diagnosis dan rawatan.

Jabatan ini menghasilkan isotopnya sendiri setiap hari menggunakan cyclotron dalaman, menjadikan JPMC antara pengeluar isotop terhad di Asia Tenggara.

Ia membekalkan isotop Fluorine-18 dan Gallium-68 untuk digunakan dalam imbasan PET dan SPECT, sebuah alat pengimejan berkuasa tinggi yang membolehkan pengesanan penyakit secara awal dan tepat.

Lawatan kemudian diteruskan ke Gleneagles JPMC, di mana TYT melawat Makmal Kardiovaskular hospital yang dilengkapi teknologi pengimejan biplane terkini, serta berinteraksi dengan para doktor dan kakitangan.

Kunjungan hormat ini menekankan kepentingan pertukaran amalan terbaik dalam perkhidmatan perubatan khusus, menangani cabaran kesihatan awam bersama, dan mempromosikan inovasi penjagaan kesihatan di rantau ini.

Ia juga menjadi platform berharga untuk memperkukuh hubungan sedia ada antara NBD dan Republik Singapura dalam industri penjagaan kesihatan.



# PERDANA MENTERI REPUBLIK SINGAPURA TIBA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 November. - Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong, serta rombongan, tiba di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Program Pemimpin-Pemimpin Muda (YLP) NBD dan Republik Singapura Kali Ke-11 yang berlangsung selama dua hari pada 3 hingga 4 November 2025.

Sejurus ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura diberi penghormatan dengan Barisan Kawalan Kehormatan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Tuan Yang Terutama dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Menteri Pengiring; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Menyertai rombongan TYT ialah Menteri Pembangunan Negara, TYT Chee Hong Tat; Menteri Negara Kanan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Tenaga Manusia, TYT Dr. Koh Poh Koon; Menteri Negara, Kementerian Penerangan dan Pembangunan Digital dan Kementerian Pendidikan, Puan Yang Terutama Jasmin Lau; Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia dan Kementerian Kemampanan dan Sekitaran, Goh Hanyan; dan Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Negara, Dr. Syed Harun Alhabsyi.

Tahun ini adalah giliran negara ini untuk menjadi hos kepada YLP NBD dan Republik Singapura.

Program tahunan ini telah dijalankan sejak tahun 2013.



**PERDANA Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong semasa tiba di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Program Pemimpin-Pemimpin Muda (YLP) NBD dan Republik Singapura Kali Ke-11 yang berlangsung selama dua hari pada 3 hingga 4 November 2025 (atas, kiri dan bawah).**





# Memantapkan ajaran, penghayatan Islam di NBD



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika hadir pada Program Dialog Harmoni Kefahaman Islam bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 November. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pengembangan Da'wah dengan kerjasama Persatuan Persahabatan Brunei-China telah menganjurkan Program Dialog Harmoni Kefahaman Islam bagi mengukuhkan hubungan silaturahim antara KHEU dengan Masyarakat Tionghua di negara ini serta menyalurkan maklumat yang sahih mengenai Islam melalui sumber berautoriti, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Hadir pada program bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, hari ini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman. Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Terdahulu, Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, Majlis Dialog Harmoni Kefahaman Islam ini diungkayahkan oleh PDI, KHEU melalui Bahagian Pengembangan Da'wah dengan kerjasama Persatuan Persahabatan Brunei-China dan mengambil sukut baik bagi memperingati Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bertemakan 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah'.

Menurutnya, Majlis Dialog yang dianjurkan ini juga bagi merealisasikan misi PDI iaitu menyebarluas dan memantapkan ajaran serta penghayatan ugama Islam kepada rakyat dan penduduk negara ini bagi kesejahteraan beragama dan bernegara menurut Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Syafi'e.

Awang Haji Abd. Rajid seterusnya menjelaskan, hubungan kerjasama antara PDI dengan Masyarakat Tionghua di negara ini sememangnya telah pun wujud sejak sekian lama.

"Penglibatan mereka dalam sama-sama ingin mengetahui cara kehidupan orang-orang Islam di negara ini amat dikagumi, antara program yang pernah dilaksanakan secara berkolaborasi antaranya ialah Seminar Kefahaman Melayu Islam Beraja, Perjumpaan Muhibah bersama Masyarakat Tionghua, Iftar (bersungkai) Mahabbah Ramadan, Program Muhibah Da'wah, kunjungan-kunjungan muhibah ke Persatuan Tionghua, di samping beberapa program yang dianjurkan oleh Belia Muallaf Assyahadah di bawah Program Keugamaan Belia seperti Program lawatan Masjid Tour, Jelajah Muallaf yang mengetarakan nilai muafakat dan saling hormat-menghormati sesama masyarakat," ujarnya.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1985, katanya, PDI telah menyediakan pelbagai platform dan program yang sihat, mesra dan berintegriti sebagai wadah berterusan untuk menyalurkan ilmu dan maklumat yang sangat bernilai dengan memberikan kefahaman yang nyata dan sahih mengenai ajaran Islam, khususnya dalam konteks kehidupan bermasyarakat yang majmuk.

Beliau kemudiannya berharap, dengan Majlis Dialog seumpama ini akan mengukuhkan lagi keharmonian bermasyarakat di negara ini melalui sikap saling hormat-menghormati dan menjadi pemangkin kepada perhubungan yang lebih erat serta murni dalam kalangan masyarakat yang terdiri dari pelbagai lapisan bangsa, puak dan agama.

Program yang telah dihadiri seramai 100 orang peserta terdiri daripada Masyarakat Tionghua di Negara Brunei Darussalam (NBD) antaranya Persatuan Persahabatan Brunei-China, Persatuan Perniagaan Tionghua, Sekolah Menengah Chung Hwa, Persatuan Tokong China Brunei, Bank of China, China Enterprise Association serta beberapa organisasi tempatan lain juga turut bertujuan mendedahkan para peserta kepada nilai-nilai murni Islam yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan akhlak.

Kerjasama antara PDI dan Masyarakat Tionghua bukanlah sesuatu yang baharu. Hubungan mesra ini telah lama terjalin melalui pelbagai program seperti Seminar MIB dan Kefahaman Islam (1994), Perjumpaan Muhibbah (2013) serta Program Tahunan Iftar Mahabbah yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Penganjuran sesi dialog ini sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memperluas kefahaman tentang Islam kepada masyarakat bukan Islam, di samping memupuk keharmonian dalam kalangan rakyat berbilang kaum di bawah naungan kerajaan baginda.

Para peserta turut berpeluang melawat Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebagai sebahagian daripada pengisian program bagi memberi ruang kepada peserta untuk melihat secara dekat koleksi khazanah Islam dan warisan keagamaan yang menjadi sumber pengetahuan serta inspirasi kepada kefahaman yang lebih mendalam tentang nilai dan sejarah Islam di NBD.

PELITA BRUNEI

# PUPUK KERJASAMA AWAM-SWASTA OPTIMAKAN TEKNOLOGI, INOVASI

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa berucap.**

**>> Muka 1**

"Dalam persekitaran ini, NBD terus konsisten dalam usaha kepelbagaian ekonominya. Berpandukan Wawasan Brunei 2035 dan Rangka Tindakan Ekonomi, tumpuan negara kekal pada memperluas asas ekonomi, menarik pelaburan berkualiti serta memperkasa sektor swasta agar menjadi pemacu pertumbuhan yang lebih kukuh," terang Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, NBD terus menumpukan lima kluster utama iaitu makanan, pelancongan, ICT, perkhidmatan dan industri hiliran sambil mengembangkan sokongan untuk inovasi, transformasi digital dan pembangunan perusahaan. Pendekatan ini, kekal berhati-hati dan berpandangan ke hadapan untuk memastikan NBD terus berhubung secara global, berintegrasi di peringkat serantau dan berdaya saing.

Matlamat ini, kongsi Yang Berhormat, bukan sahaja untuk mengekalkan pertumbuhan tetapi untuk mencapai pertumbuhan berkualiti yang inklusif, lestari dan mampu menahan ketidakstabilan luaran.

Pemecahan geo-ekonomi ujar Yang Berhormat membawa risiko gangguan perdagangan dan peningkatan kos, tetapi juga peluang bagi negara kecil untuk menonjol dalam *niche* seperti keselamatan makanan, perdagangan digital, tenaga boleh diperbaharui dan kewangan Islam, di mana ketahanan dan kerjasama lebih bernilai daripada saiz ekonomi.

Yang Berhormat dalam ucapannya seterusnya menyatakan pihak kerajaan mengakui bahawa mencapai pertumbuhan yang lestari dan bersifat adaptif memerlukan perkongsian awam - swasta yang kukuh.

Sektor swasta jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bukan sahaja merupakan pemacu pertumbuhan, tetapi juga rakan dalam transformasi negara. Dengan bekerjasama rapat dengan perniagaan, institusi kewangan dan para inovator, kerajaan bertujuan mewujudkan persekitaran di mana idea dapat berkembang, pelaburan dapat diperluas dan peluang pekerjaan dapat meningkat.

"Institusi seperti Bank Baiduri memainkan peranan penting, bukan sekadar sebagai saluran modal, tetapi juga sebagai rakan dalam inovasi. Dengan inisiatif yang menyokong Perusahaan, Kecil dan Sederhana (PKS), pendigitalan dan pembiayaan hijau, sektor kewangan membantu menjambatani dasar dengan pelaksanaan, membolehkan perusahaan menyesuaikan diri, berkembang dan berjaya.

"Dalam semangat kerjasama dan inovasi ini, Kecerdasan Buatan (AI) muncul sebagai pemacu transformasi terbesar untuk pertumbuhan global. Kami mendorong perniagaan memanfaatkan AI untuk meningkatkan produktiviti dan inovasi, sambil menggunakannya secara bertanggungjawab untuk mengekalkan kepercayaan dan keselamatan. Dengan kerjasama awam-swasta yang kukuh, AI berupaya meningkatkan kecekapan, daya saing dan pertumbuhan lestari di seluruh ekonomi," ujar Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat, kekuatan ASEAN terletak pada kesepaduan dan pragmatism di mana NBD menyokong inisiatif seperti ASEAN+3 dan RCEP untuk mengekalkan kepimpinan rantau dalam perdagangan dan kerjasama kewangan berasaskan peraturan.

NBD tekan Yang Berhormat lagi akan terus memperkukuh institusi, membangunkan insan dan memupuk kerjasama awam-swasta untuk mengoptimakan teknologi dan inovasi. Pendekatan ini memastikan negara kekal tangguh, terhubung dan bersedia menghadapi peluang masa depan.

"Menjelang 2026, jalan ke hadapan mungkin mencabar, namun ia penuh dengan peluang. Pemecahan geoekonomi tidak semestinya bermakna kemerosotan tetapi ia boleh menjadi pemangkin bagi inovasi, pembaharuan dan kerjasama. Tugas kita ialah kekal teguh pada visi, fleksibel dalam tindak balas dan bersatu dalam tujuan.

"Marilah kita memanfaatkan sidang kemuncak ini untuk bertukar idea secara terbuka, memperkukuh kerjasama dan menegaskan semula komitmen kolektif terhadap kemajuan. Bersama-sama, kita boleh memastikan NBD bukan sahaja menyesuaikan diri dengan perubahan, tetapi turut memainkan peranan dalam membentuknya dengan keyakinan, kesatuan dan tujuan yang jelas," ujar Yang Berhormat mengakhiri ucapannya.

## Meneroka perubahan pasaran, mendapatkan perspektif strategik







**SUASANA pada Sidang Kemuncak Baiduri Memontum 2025 yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei (atas, atas kanan dan atas kanan sekali).**

**JERUDONG**, Isnin, 3 November. - Bank Baiduri telah menganjurkan Sidang Kemuncak Baiduri Momentum 2025 tahunan buat kali ketiga, sebuah platform utama kepimpinan pemikiran yang menghimpunkan pakar ekonomi global, pembuat dasar serantau dan pemimpin industri bagi meneliti kuasa-kuasa yang membentuk masa depan perdagangan, kewangan dan tenaga, hari ini.

Berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, persidangan ini disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Acara menghimpunkan lebih daripada 200 pegawai kanan kerajaan, ahli kor diplomatik, pemimpin perniagaan terkemuka dan pakar kewangan bagi bertukar pandangan serta perspektif.

Tema tahun ini, 'Navigating Geo-Economic Fragmentation in 2026 : Challenges and Opportunities', meneliti implikasi peningkatan perlindungan perdagangan, perubahan pakatan perdagangan serta percepatan peralihan tenaga.

Sidang kemuncak ini menyediakan forum yang tepat pada masanya bagi institusi, syarikat, agensi berkaitan kerajaan, pelabur bertauliah dan individu yang berkemampuan untuk terlibat dalam dialog strategik serta memahami landskap global yang sedang berkembang.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui menyatakan bahawa Sidang Kemuncak Baiduri Momentum ini telah bermula sejak tahun 2023 bertujuan untuk mewujudkan platform bagi dialog bermakna mengenai kuasa-kuasa yang membentuk masa depan ekonomi rantau.

"Tahun ini, kami memperkukuh asas tersebut dengan tumpuan baharu untuk meneroka perubahan pasaran, mendapatkan perspektif strategik dan bertukar pandangan mengenai peluang yang bakal muncul," jelasnya.

Sidang kemuncak ini menampilkan satu siri pembentangan yang diketuai oleh pakar serta sesi perbincangan dari Pengarah Urusan dan Ketua Ekonomi di DBS Bank, Dr. Taimur Baig, membuka sidang kemuncak dengan tinjauan makroekonomi, menyorot trend global utama dan kesannya terhadap pasaran membangun.

Ini kemudiannya diikuti oleh pembentangan daripada Timbalan Ketua Kumpulan dan Ahli Ekonomi Utama di ASEAN+3 Macroeconomic Research Office, Anthony Tan, yang mengupas peranan ASEAN dalam dunia yang semakin proteksionis serta mencadangkan strategi bersepadu untuk mengatasi pemecahan peraturan dan halangan bukan tarif.

Sementara itu, Ketua Pasaran Minyak di BloombergNEF, Wayne Tan pula membincangkan trajektori berganda sektor tenaga, di mana pelaburan bahan api fosil kekal kukuh, namun teknologi peralihan tenaga semakin mendapat momentum susulan perubahan dasar yang menyokong.

Sidang kemuncak diakhiri dengan sesi perbincangan yang dimoderatorkan oleh Pengarah Urusan Confer Sdn. Bhd., Allen Lai menampilkan ketiga-tiga pembicara dalam pertukaran dinamik mengenai ketahanan, integrasi dan masa depan kerjasama serantau.

Sidang Kemuncak Baiduri Momentum terus memperkukuh peranan Bank Baiduri sebagai pemangkin pertukaran ilmu dan kerjasama serantau, dengan menyediakan platform yang menghubungkan perspektif global serta keperluan dan konteks tempatan.



# MOU PERKUKUH KERJASAMA, KONGSI PENGETAHUAN DALAM PEMBINAAN





**YANG Berhormat Menteri Pembangunan mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri Pembangunan Nasional, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chee Hong Tat mewakili Kerajaan Republik Singapura pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman bagi 'Kerjasama Dua Hala dalam Persekitaran Binaan yang Mampan dan Boleh Didiami' yang berlangsung di Jerudong (atas dan kanan).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman**

**JERUDONG**, Isnin, 3 November. - Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Singapura bagi 'Kerjasama Dua Hala dalam Persekitaran Binaan yang Mampan dan Boleh Didiami' telah berlangsung hari ini di Jerudong.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, manakala Kerajaan Republik Singapura diwakili oleh Menteri Pembangunan Nasional, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chee Hong Tat.

Majlis berkenaan diakhiri dengan sesi penyerahan dokumen persefahaman.

Dalam ucapan alu-aluannya, Menteri Pembangunan menyatakan bahawa MoU ini dilihat sebagai satu platform yang bernilai bagi kerjasama praktikal yang membolehkan perkongsian pengetahuan serta menggalakkan kerjasama dan pembelajaran dalam pelbagai bidang seperti bangunan hijau, produktiviti dan kualiti pembinaan; pengurusan kemudahan, perancangan dan pembangunan bandar, inovasi teknologi serta reka bentuk dan kebolehcapaian sejagat.

Turut hadir semasa Majlis Penandatanganan tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan daripada kedua-dua pihak.

# Mewujudkan rangka kerja strategik bidang penyelidikan, pembangunan bakat

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 November. - Bank Baiduri dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah melakar satu pencapaian penting dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mewujudkan satu rangka kerja strategik untuk kerjasama dalam bidang penyelidikan, inovasi dan pembangunan bakat.

Majlis Penandatanganan MoU berkenaan diadakan di Ibu Pejabat Bank Baiduri, Baiduri Community Space dan disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku tetamu kehormat majlis.

Penandatanganan berkenaan ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui; dan Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dengan disaksikan oleh pegawai kanan kerajaan, Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bank serta pihak pengurusan UBD.

Perkongsian berkenaan menandakan satu pencapaian penting dalam usaha menyelaraskan industri dan akademik bagi menyokong transformasi digital Negara Brunei Darussalam (NBD). Dengan tumpuan utama terhadap Kecerdasan Buatan (AI), kedua-dua institusi akan meneroka inisiatif penyelidikan bersama dalam aplikasi AI yang relevan kepada perkhidmatan kewangan dan bidang lain termasuk analitik data, automasi, dan pengurusan risiko digital.

Usaha berkenaan secara langsung menyokong Pelan Transformasi Digital Brunei di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), yang bakal menggantikan Digital Economy Masterplan, dengan visi untuk membentuk sebuah Negara Pintar berasaskan inovasi inklusif, tadbir urus AI beretika, serta bakat mahir digital.

UBD's School of Digital Science (SDS), yang baru-baru ini diiktiraf dengan Coursera 2024 AI Innovation Award bagi rantau Asia-Pasifik, telah muncul sebagai peneraju serantau dalam pendidikan AI. Program Applied Artificial Intelligence yang ditawarkan menggabungkan ketegasan akademik dengan pembangunan sistem berasaskan amali, melahirkan graduan yang bersedia untuk menerajui masa depan digital NBD.

Menerusi MoU berkenaan, Bank Baiduri akan bekerjasama dengan SDS untuk membangunkan projek penyelidikan gunaan secara bersama, menganjurkan pertukaran akademik, serta meneroka penubuhan makmal bersama di UBD bagi mewujudkan platform perkongsian untuk eksperimen, latihan dan inovasi.

Perkongsian berkenaan juga membuka laluan baharu untuk penglibatan pelajar. Pelajar UBD akan memperoleh pengalaman praktikal melalui program latihan industri dan perantis di Bank Baiduri serta anak-anak syarikatnya, bagi membina kesiapsiagaan tenaga kerja dalam bidang seperti sistem pintar, teknologi kewangan, dan operasi digital.

Kedua-dua pihak juga akan meneroka peluang dalam bimbingan, penajaan, serta projek berasaskan penyelidikan bagi mengukuhkan hubungan antara pendidikan dan industri.

Terdahulu, Ti Eng Hui dalam ucapannya berkata, dengan adanya kerjasama dengan UBD, ia mencerminkan komitmen bersama untuk memupuk bakat masa depan dan memajukan ekosistem inovasi NBD.

Jelasnya, seiring dengan perkembangan industri perbankan, bank melihat semakin banyak peluang untuk menerapkan teknologi digital dan pandangan berasaskan data.

"Perkongsian kami dengan UBD melengkapi perjalanan transformasi digital Bank Baiduri secara menyeluruh daripada pemodenan sistem teras kami hingga ke penerapan AI dan analitik data, sekali gus membentuk asas inovasi yang memberi manfaat kepada pelanggan kami, warga kerja kami, dan komuniti kami," katanya.

Manakala Dr. Hazri pula menjelaskan bahawa ekosistem yang sedang dibina bersama adalah satu ekosistem yang secara langsung menyokong visi Pelan Transformasi Digital Brunei, yang bakal menggantikan Digital Economy Masterplan.

"Kita bukan sahaja sedang bersiap sedia untuk masa depan, tetapi turut aktif membentuknya, bagi memastikan NBD menjadi sebuah Negara Pintar yang digerakkan oleh bakat tempatan sendiri.

"Ketika UBD meraikan ulang tahun ke-40 tahun ini, kami bukan sahaja menyingkap empat dekad pendidikan dan khidmat bakti kepada negara, tetapi juga menantikan 40 tahun yang akan datang.

"Perkongsian dengan Bank Baiduri ini merupakan batu asas kepada masa depan tersebut. Kerjasama ini membuktikan komitmen kami untuk kekal relevan, berpandangan jauh ke hadapan, dan terus berhubung rapat dengan keperluan komuniti serta industri," ujarnya.



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut.**

Inisiatif berkenaan sejajar dengan agenda NBD yang lebih luas bagi pembangunan AI yang bertanggungjawab dan inklusif. Penerbitan Guide on AI Governance and Ethics for Brunei Darussalam baru-baru ini serta penguatkuasaan Personal Data Protection Order 2025 (PDPO 2025) yang akan datang mencerminkan komitmen negara dalam membina ekosistem digital yang boleh dipercayai.

Rangka kerja berkenaan berfungsi sebagai panduan bagi inovasi beretika, memastikan pelaksanaan AI berlandaskan akauntabiliti, keadilan dan nilai-nilai NBD.

Kerjasama antara Bank Baiduri dan UBD akan terus diperkukuh melalui pembentukan National AI Strategy dan National Science, Technology and Innovation (STI) Framework Brunei, yang kini sedang dibangunkan oleh MTIC.

Strategi berkenaan bertujuan mempercepat penerimaan AI merentasi pelbagai sektor, meningkatkan keupayaan inovasi, dan menyelaraskan aspirasi digital NBD dengan piawaian antarabangsa. Ia juga berasaskan kerjasama terkini antara Baiduri Capital dan UBD untuk meningkatkan celik pelaburan serta pendidikan kewangan, sekali gus memperkukuh peranan bank dalam membentuk masyarakat yang celik digital.

Inisiatif berkenaan seterusnya mengukuhkan komitmen Bank Baiduri terhadap People, Process, and Planet di bawah Baiduri Greenprint, dengan menyokong program yang memperkasa individu, mempromosi pertukaran ilmu, serta memperkukuh landskap inovasi dan bakat di NBD. Seiring dengan usaha mempercepat perjalanan transformasi digital negara, perkongsian seumpamanya berfungsi sebagai pemangkin kepada kemajuan mampan, di mana pendidikan, teknologi, dan industri bersatu untuk membentuk masa depan yang lebih pintar dan berdaya tahan.

Untuk maklumat lanjut, layari *www.baiduri.com*, ikuti saluran media sosial Bank Baiduri, atau hubungi Talian Khidmat Pelanggan 24 jam di +673 2449666.

# Tindakan tegas, bersepadu menangani kesihatan mental kanak-kanak

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad**



**YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut semasa sesi bergambar ramai yang diadakan di The Centrepoint Hotel, Gadong.**

**>> Muka 1**

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib dan seterusnya menyampaikan ucaptamanya mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Ilmu pada tahun 2024 yang membawa tema 'Menangani Gejala Mental'.

Dalam intipati titah tersebut telah menzahirkan rasa keprihatinan yang mendalam terhadap peningkatan cabaran kesihatan mental yang bukan sahaja menjejaskan orang awam tetapi juga para penjawat awam dan juga pelajar sekolah. Baginda juga menekankan agar pihak-pihak berkepentingan di seluruh negara mengambil tindakan yang tegas dan bersepadu dalam menangani isu tersebut.

Yang Berhormat Peguam Negara turut mengongsikan statistik yang menunjukkan peningkatan kes-kes berkaitan kesihatan mental di NBD, termasuk peningkatan jumlah individu yang mendapat rawatan dan sokongan melalui perkhidmatan psikiatri, kaunseling dan komuniti.

"Walaupun angka tersebut membimbangkan, ia juga mencerminkan kesedaran dan ketersediaan masyarakat untuk mendapatkan bantuan serta mengurangkan stigma terhadap kesihatan mental," jelasnya.

Yang Berhormat juga menyentuh cabaran baharu yang timbul dari perkembangan teknologi digital seperti kebangkitan Kecerdasan Buatan (AI), yang membawa implikasi terhadap kesihatan mental khususnya dalam kalangan kanak-kanak.

Dengan kadar Internet di NBD yang mencapai lebih 99 peratus bagi 4G dan 97 peratus bagi 5G, Yang Berhormat menegaskan bahawa meskipun kemajuan dalam *connectivity* ini merupakan sesuatu yang membanggakan, akan tetapi ia juga menjadi tanggungjawab bersama untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan mental masyarakat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa mengiktiraf pendekatan Whole of Nation yang diambil oleh NBD dalam strategi kesihatan awamnya - melalui penggunaan aplikasi BruHealth, program jangkauan kesihatan mental dan penglibatan komuniti yang bertujuan mengukuhkan daya tahan emosi, terutamanya dalam kalangan golongan muda.

"Setiap orang mempunyai tanggungjawab bersama untuk melindungi nilai kemanusiaan dalam era digital ini dan menggesa agar kerjasama antara kerajaan, pendidik, ibu bapa, sektor swasta dan platform digital diperkukuhkan.

"Kerjasama ini hendaklah merangkumi perkongsian maklumat dan amalan terbaik di peringkat serantau, pelaburan dalam literasi digital dan kesihatan mental serta sokongan kepada ibu bapa dan guru sebagai barisan hadapan dalam membimbing anak-anak," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menyeru semua pihak termasuk kerajaan, penggubal dasar, para pendidik serta ibu bapa untuk terus melangkah ke hadapan dengan empati dan menyeru agar konsultasi ini bukan saja sekadar perbincangan tetapi membuahkan hasil untuk meningkatkan komitmen nyata dan tindakan kukuh yang mengimbangi akses kepada maklumat dengan perlindungan kesihatan mental.

Sekali gus mewujudkan persekitaran dalam talian yang lebih selamat untuk setiap kanak-kanak ASEAN, perkongsian data, mengukuhkan rangka perundangan dan memupuk budaya digital berteraskan rasa hormat dan penjagaan.

Terdahulu, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin selaku Wakil Brunei Darussalam ke AICHR dalam ucaptama menekankan kepentingan melindungi kesejahteraan mental kanak-kanak di era digital dengan pendekatan yang seimbang dan berperikemanusiaan, serta menyeru kepada perkongsian amalan terbaik dan usaha kolektif untuk mewujudkan persekitaran digital yang selamat dan berdaya tahan bagi generasi muda ASEAN.

Seterusnya Tuan Yang Terutama Edmund Bon Tai Soon selaku Pengerusi AICHR dalam ucapannya juga menjelaskan bahawa tema perundingan tahun ini adalah selaras dengan tema Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 di Kuala Lumpur iaitu mengenai 'Inclusivity and Sustainability'.

Tuan Yang Terutama turut mengongsikan bahawa kerjasama antara negara anggota ASEAN dan AICHR telah membawa kepada penandatanganan dua deklarasi pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 di Kuala Lumpur iaitu bukti usaha berterusan yang dilaksanakan oleh AICHR.

Dua deklarasi tersebut adalah Deklarasi ASEAN mengenai Hak kepada Persekitaran yang Selamat, Bersih, Sihat dan Mampan serta Deklarasi ASEAN mengenai Memajukan Hak untuk Pembangunan dan Hak kepada Keamanan Ke Arah Merealisasikan Pembangunan Inklusif dan Mampan, dan mempunyai kaitan dengan hak kanak-kanak untuk bermain, belajar dan berhubung secara dalam talian, sambil melindungi kesihatan mental mereka.

Sesi konsultasi tersebut menampilkan sebanyak lima topik yang mana antaranya ialah 'The Digital Dilemma'; 'Regulation versus Freedom of Information'; 'Breaking the Silence on Stigma'; 'Protecting Children from Online Threats' dan 'The Future of Digital Well-being for ASEAN Children'.

Ahli-ahli panel dalam konsultasi ini termasuk pakar dan pengamal serantau terkemuka dalam bidang kesihatan, penguatkuasaan undang - undang, keselamatan digital dan badan pengawal selia. Konsultasi tersebut diakhiri dengan sesi soal jawab yang memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai pilihan dasar rentas sektor, di samping merumuskan hasil perbincangan dan mengenal pasti langkah seterusnya, bagi memperkukuh kerjasama serta hala tuju serantau dalam melindungi kesejahteraan mental kanak-kanak di era digital.

# DOA KESYUKURAN SEMPENA PERUBAHAN NAMA SEKOLAH





**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa merasmikan perubahan nama sekolah berkenaan dan seterusnya sesi bergambar ramai (atas kiri dan atas).**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 4 November. - Dengan penuh kesyukuran, warga Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SARIPAD) pagi tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Pengemaskinian dan Perubahan Nama Sekolah daripada Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD) kepada nama baharu yang rasmi iaitu Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SARIPAD).

Majlis Doa Kesyukuran tersebut diadakan di dewan sekolah berkenaan dan diserikan dengan kehadiran Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku tetamu kehormat.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta inti sari ayat dan disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh guru besar sekolah, Pengiran Hasinol Zamri bin Pengiran Haji Piut.

Acara diteruskan dengan perasmian perubahan nama sekolah oleh tetamu kehormat.

Majlis turut dimeriahkan dengan tayangan video khas, persembahan lagu rasmi baharu sekolah, serta bacaan Doa Kesyukuran Khas sebagai tanda junjung kasih dan rasa syukur atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyelarasan nama sekolah tersebut pada Sabtu, 28 Ramadan 1446 bersamaan 29 Mac 2025 yang lalu.

Sebagai simbolik kepada permulaan baharu, tetamu kehormat turut menyempurnakan acara menanam bunga peringatan, sebelum melakukan lawatan ke ruang pameran projek dan aktiviti sekolah termasuk Projek STEAM, Kelab-kelab Madrasah, Pandu Puteri Tunas, Platform Pendidikan Digital Ma'radh 'Ilmie, serta pameran pencapaian sekolah dalam bidang kokurikulum.

Majlis tersebut juga melambangkan tekad warga SARIPAD untuk meneruskan legasi kegemilangan dan kecemerlangan pendidikan ugama dan Arab dengan suntikan semangat baharu dan kecintaan bagi meneruskan perjuangan dalam mencapai visi dan misi sekolah.

# MEMPERKUKUH KERJASAMA SERANTAU DALAM PERLINDUNGAN SOSIAL INKLUSIF, BERDAYA TAHAN




**SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyampaikan ucapan perasmian.**

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 November. - Seramai 160 peserta terdiri daripada wakil-wakil institusi ahli Pertubuhan Keselamatan Sosial ASEAN dan pertubuhan antarabangsa menghadiri Majlis Pembukaan Mesyuarat Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA) Ke-42 yang berlangsung hari ini di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang dihoskan oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Majlis berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut merangkap Ahli Lembaga Pengarah TAP.

Dalam ucapan perasmiannya, Awang Salminan menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama serantau dalam memastikan sistem perlindungan sosial yang inklusif dan berdaya tahan.

Beliau turut menegaskan bahawa cabaran sebenar bagi institusi keselamatan sosial bukanlah teknologi itu sendiri, tetapi bagaimana mengurus transformasi digital dengan berkesan serta memanfaatkan peluang yang ada.

Awang Salminan seterusnya menambah bahawa usaha berterusan Kerajaan NBD melalui Brunei Social Blueprint dan Wawasan Brunei 2035 menggambarkan komitmen jangka panjang negara untuk membina masa depan yang terjamin dan mampan bagi semua rakyat, disokong oleh institusi seperti TAP yang terus memperkasa inovasi dan keterangkuman dalam bidang keselamatan sosial.

Terdahulu, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Presiden dan Pengurus Besar Government Service Insurance System (GSIS) Republik Filipina, Jose Arnulfo A. Veloso, selaku Pengerusi ASSA bagi penggal 2024 hingga 2025.

Mesyuarat tahun ini bertemakan 'Collective Progress - Transformative Reforms Towards a Secure Future for All', menekankan kepentingan perpaduan dan perkongsian pengetahuan antara institusi keselamatan sosial ASEAN bagi memperkukuh daya tahan dan memastikan tiada pihak yang ketinggalan.

Selesai majlis pembukaan berkenaan, beberapa sesi plenari telah diadakan dengan menampilkan para pembentang jemputan, antaranya 'Whole of Nation Social Development : Strengthening the Foundations of Social Security through Social Blueprint' yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; dan beberapa topik dibincangkan seperti memperkukuh perlindungan sosial melalui pendekatan seluruh negara, membina skim persaraan yang mampan, peranan Kecerdasan Buatan (AI) dalam penjagaan kesihatan bagi masyarakat menua, serta perkongsian amalan terbaik global oleh International Social Security Association (ISSA).

Pada sebelah petang pula, sesi diteruskan dengan Perkongsian Amalan-amalan Terbaik (Good Practices) berkaitan keselamatan sosial oleh negara-negara ahli ASSA.

Turut hadir pada majlis pembukaan berkenaan ialah pegawai-pegawai dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Ahli-ahli Lembaga Pengarah TAP, Ahli-ahli Komiti Lembaga TAP, serta wakil-wakil institusi Negara Anggota ASEAN.

Acara dua hari berkenaan akan berakhir pada 5 November 2025, dengan berlangsungnya Mesyuarat ASSA Ke-42, menandakan satu lagi pencapaian penting dalam memperkukuh jaringan perlindungan sosial ASEAN melalui semangat kerjasama dan matlamat bersama.



**TETAMU kehormat semasa membuat lawatan pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.**



# MINDA PEMBACA

## Peranan sedekah dalam pembentukan sahsiah murni

**SEDEKAH** merupakan amalan mulia yang sangat digalakkan dalam ajaran Islam. Di Negara Brunei Darussalam yang berteraskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB), amalan bersedekah bukan sahaja dianggap sebagai ibadah, tetapi juga sebagai cara membentuk sahsiah murni dalam kalangan masyarakat. Melalui sedekah, seseorang dapat memupuk nilai kasih sayang, keikhlasan, dan keprihatinan terhadap orang lain yang memerlukan bantuan.

Selain itu, sedekah dapat menghapuskan sifat tamak dan mementingkan diri sendiri. Apabila seseorang sentiasa memberi, dia akan belajar menghargai nikmat yang dimiliki serta merasakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat sekeliling. Dalam konteks Brunei Darussalam, kerajaan turut menekankan kepentingan sedekah melalui pelbagai program kebajikan seperti derma untuk anak yatim, bantuan kepada fakir miskin, dan tabung-tabung amal yang dijalankan oleh agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan.

Amalan sedekah juga dapat memperkukuhkan hubungan silaturahim antara masyarakat. Ia mewujudkan suasana harmoni dan perpaduan apabila rakyat saling membantu tanpa mengira latar belakang. Nilai-nilai murni ini penting dalam melahirkan rakyat yang berakhlak tinggi, bertanggungjawab dan sentiasa mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Kesimpulannya, sedekah memainkan peranan besar dalam pembentukan sahsiah murni rakyat Brunei Darussalam. Dengan mengamalkan sedekah secara berterusan, masyarakat akan menjadi lebih penyayang, bersatu padu dan berjiwa luhur, selaras dengan matlamat negara untuk melahirkan warga beriman dan berakhlak mulia di bawah naungan MIB.

**Nama : Muhd. Wa'ie Amsyar bin Muhd. Sallehuddin**
**No. K/P : 01-172XXX**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1.**'Kawal Tekanan, Lindungi Jantung Awda'.** Tarikh Tutup : **5 November 2025**
2.**'Cabaran Memupuk Hubungan Kejiranan'.** Tarikh Tutup : **12 November 2025**
3.**'Mewujudkan Keamanan Dunia melalui Hubungan Antarabangsa'.** Tarikh Tutup : **19 November 2025**

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3.**Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# ATLET SUKAN ANGKAT BERAT BERLEPAS KE RIYADH, ARAB SAUDI



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan semasa sesi bergambar ramai bersama para ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) (atas). Sementara gambar bawah, suasana semasa doa dibacakan.






Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 November. - Seramai enam ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) terdiri daripada tiga atlet sukan angkat berat dan tiga pegawai termasuk Chef de Mission, Pegawai Urusetia dan Jurulatih telah berlepas ke Riyadh, Arab Saudi pagi tadi bagi menyertai Sukan Perpaduan Islam Ke-6.

Kejohanan tersebut dijadualkan berlangsung di Riyadh, Arab Saudi bermula 7 hingga 21 November, 2025.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan ucapan serta kata-kata semangat ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Kontinjen NBD diketuai oleh Chef de Mission, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Pada kejohanan tersebut, kontinjen negara akan menyertai sebanyak tiga acara sukan iaitu angkat berat, karate dan lawan pedang.

# MoU memperkukuh pendidikan penternakan, pertanian mampan



AHLI Lembaga Pengelola Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Goldcoin Feedmill (B) Sdn. Bhd. yang berlangsung di Dewan Serbaguna (atas dan kanan).



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**WASAN**, Selasa, 4 November. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Agro-Teknologi pagi tadi memeterai perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Goldcoin Feedmill (B) Sdn. Bhd. yang berlangsung di Dewan Serbaguna kampus berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Lembaga Pengelola IBTE, Awang Haji Musa bin Haji Adinin.

Hadir sama, pegawai-pegawai kanan IBTE serta wakil-wakil daripada Goldcoin Feedmill (B) Sdn. Bhd.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan tayangan video korporat daripada IBTE dan Goldcoin Feedmill (B) Sdn. Bhd.

Seterusnya, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengarah Pendidikan Teknikal / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli, diikuti dengan ucapan daripada Penolong Naib Presiden Goldcoin Feedmill (B) Sdn. Bhd., Dr. Marshall Matthews Chuat.

Kemuncak majlis ialah upacara menandatangani MoU antara Kampus Agro-Teknologi IBTE dan Goldcoin Feedmill (B) Sdn. Bhd., yang menandakan permulaan kerjasama strategik dalam tiga bidang utama.

Bidang utama tersebut ialah memperkasa keupayaan teknikal dengan memantapkan pendidikan dan latihan dalam bidang penternakan ayam di IBTE melalui penyediaan sumber ladang, kepakaran teknikal, peluang latihan amali dalam pengurusan ayam pedaging, serta peningkatan kemahiran tenaga pengajar mengikut piawaian industri.

Sementara itu, menggalakkan pembelajaran mampan dengan melaksanakan model pengeluaran ayam pedaging yang lestari bagi menyokong latihan pelajar secara berterusan serta menyumbang kepada keselamatan makanan negara dan mengukuhkan kerjasama strategik dengan menjalin kerjasama jangka panjang antara IBTE dan Goldcoin Feedmill (B) Sdn. Bhd. melalui perkongsian kepakaran, penyelidikan dan inovasi dalam pengeluaran ayam secara mampan.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai serta lawatan ke Unit Penternakan Ayam di Kampus Agro-Teknologi IBTE, yang melambangkan permulaan kerjasama yang kukuh dalam usaha memperkasa pendidikan pertanian dan kesiapsiagaan industri di Negara Brunei Darussalam.

# INTERVENSI AWAL PASTIKAN PENDIDIKAN SAKSAMA

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan semasa berucap.**

**TUNGKU LINK**, Isnin, 3 November. - Pengenalpastian awal dan intervensi bagi para pelajar terutama mereka yang mempunyai Keperluan Pendidikan Khas (SEN) serta pelajar yang memerlukan (*marginalized students*) adalah penting.

Langkah ini bertujuan bagi memastikan setiap kanak-kanak di negara ini mendapat peluang belajar yang saksama dan dapat menyumbang secara bermakna kepada masyarakat, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Perkara berkenaan antara yang ditekankan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan ucapan perasmian selaku tetamu kehormat di Simposium Pemimpin Sekolah 2025 anjuran Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), pagi tadi.



Menurut Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, simposium yang membawa tema 'Pemimpin Berkualiti, Pendidikan Berkualiti' dengan sub-tema 'Early Intervention For Students With SEN – Ensuring Holistic Growth Through Proactive Support' tersebut mengingatkan kita bahawa intervensi awal bukanlah langkah pemulihan, tetapi reka bentuk proaktif untuk ekuiti atau saksama.

Ukuran sebenar kepimpinan kita terletak pada keupayaan kita untuk menjangka (*anticipate*) dan bukannya bertindak balas (*react*). 'Genuine Inclusion' bukan mengenai peraturan dan dasar tetapi ia bermula dengan kesedaran, empati dan tindakan awal dalam setiap komuniti sekolah.

Awang Aliuddin turut menegaskan bahawa dengan mengesan kesukaran pembelajaran dan cabaran perkembangan lebih awal serta berpandukan keputusan yang berasaskan data yang boleh dipercayai, kita dapat menyediakan sokongan yang disasarkan untuk menghalang cabaran tersebut daripada meningkat atau menjadi lebih serius.

Data membolehkan kita melihat di luar andaian, sekali gus membantu mengenal pasti corak, menjejaki kemajuan dan membuat keputusan termaklum yang menyokong perkembangan setiap pelajar.

**ANTARA yang hadir pada Simposium Pemimpin Sekolah 2025.**

Seramai 380 peserta, terdiri daripada pemimpin-pemimpin sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat tingkatan enam dari institusi pendidikan kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan, serta sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), telah menghadiri simposium tersebut.

Pengarah Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan selaku Pengerusi Simposium Pemimpin Sekolah 2025, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah, dalam ucapan alu-aluannya berkata, tema simposium tersebut melambangkan langkah ke hadapan penting dalam perjalanan berterusan untuk memupuk pemimpin sekolah yang komited dalam memajukan aspirasi negara iaitu Wawasan Brunei 2035.

Beliau berkata menyatakan sub-tema simposium berkenaan bertujuan untuk memperkukuh kesepaduan sistemik bagi Kementerian Pendidikan melalui penglibatan serta sokongan yang teguh dan mampan daripada semua pihak berkepentingan.

Majlis turut menampilkan sesi perkongsian bertajuk 'A Glimpse On Students Learning Assessment Framework' yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Awang Shahrizal bin Haji Emran.

Kemudian disusuli dengan penyampaian ucaptama bertajuk 'Early Intervention And Its Role In Proactive, Successful Early Childhood Development For All Students Including With SEN' oleh Penolong Profesor dalam bidang Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, UBD, Dr. Nordiana binti Haji Zakir.

Majlis diteruskan dengan Forum Pelbagai Pihak Berkepentingan bertajuk 'Collaborative Pathways To Early Intervention For Students With SEN' yang dibentangkan oleh empat orang ahli panel.

Ahli-ahli panel berkenaan terdiri daripada Pemangku Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak; Pakar Perunding Pediatrik, Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC), Kementerian Kesihatan, Dayang Dr. Foong Sue Wen; Pegawai Pelajaran, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Dayang Widiafalena binti Haji Surhan; dan Pengiran Ayup bin Pengiran Haji Othman, selaku wakil ibu bapa.

Sesi petang simposium berkenaan pula mengetengahkan bengkel bertajuk 'Co Creating The Blueprint - School Leaders' Roundtable On Effective Early Intervention In Special Education' yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan.

Simposium Pemimpin Sekolah ini bertujuan untuk memperkukuh kapasiti dan kompetensi kepimpinan para pemimpin sekolah, di samping meningkatkan akauntabiliti bersama dalam kalangan semua pihak berkepentingan, khususnya jabatan-jabatan dan sekolah-sekolah dalam melaksanakan inisiatif - inisiatif Kementerian Pendidikan.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan dari Kementerian Pendidikan dan KHEU serta superintenden bagi sekolah-sekolah kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan.

# Program Penulis Muda 2025 asah bakat penulisan kreatif



Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

**BERAKAS**, Isnin, 3 November. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah pagi tadi telah mengadakan Majlis Pembukaan bagi Program Penulis Muda 2025: Bengkel Penulisan Cerpen yang berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas.

Hadir selaku tetamu khas, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.




**PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu khas majlis berkenaan.**

Program Penulis Muda yang berlangsung selama tiga hari tersebut dihadiri seramai 21 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan, guru, mahasiswa institusi pengajian tinggi, pelajar serta peserta individu.

Selain itu, bengkel tersebut turut dihadiri para penulis dan penggiat sastera yang berperanan sebagai pemerhati bagi berkongsi pengalaman serta menzahirkan minat mereka dalam bidang penulisan cerpen.

Program berkenaan merupakan projek bimbingan dan peremajaan bakat sastera selaras dengan perancangan strategik jabatan untuk melahirkan penulis muda yang berbakat dalam bidang penulisan kreatif.

Program yang mengangkat moto 'Tulis, Gugah Minda, Ubah Dunia' ini pertama kali dilaksanakan pada tahun 2019 yang mengkhususkan bimbingan penulisan karya sastera kreatif secara bergilir, iaitu bermula dengan genre sajak, cerpen, novel dan drama.

Program yang diadakan hingga 5 November ini dibimbing oleh seorang cerpenis dari Malaysia, Dayang Nisah binti Haron.

Beliau merupakan Penerima Hadiah Sasterawan Muda Asia Tenggara (Mastera) pada tahun 2017.

Selain itu, beliau juga pernah merangkul beberapa anugerah penulisan antaranya Hadiah Sastera Perdana Malaysia dan Hadiah Sastera Kumpulan Utusan.

Beliau kini merupakan Ketua Satu, Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) dan juga Ahli Jawatankuasa Kerja Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA).

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Bahagian Sastera dan Majalah selaku Pengasas Program Penulis Muda, DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin berkata, melalui majalah Bahana telah diwujudkan satu ruangan khas iaitu 'Suara Penulis Muda' bagi menyalurkan karya baharu para penulis muda hasil daripada program ini.

Ruangan ini bukan sahaja menjadi medan pertama mereka memperkenalkan diri kepada dunia sastera, bahkan menjadi saluran (*pipeline*) yang melahirkan generasi penulis baharu Brunei yang berpotensi besar pada masa hadapan.

Beliau menambah, beberapa cadangan pelan strategik boleh digerakkan bagi memperkukuh kesinambungan program ini termasuk Penubuhan Alumni Penulis Muda DBP, Program Mentorship Digital, Penerbitan Antologi Tahunan Penulis Muda Brunei, perluasan kerjasama antarabangsa dengan institusi penulisan luar negara serta Anugerah Penulis Muda Brunei Darussalam.

Antara objektif penganjuran program ini ialah untuk memberi dorongan dan sokongan berterusan kepada penulis muda dalam menghasilkan karya sastera yang berkualiti, di samping membimbing mereka untuk berkarya secara sistematik dan terarah dengan tunjuk ajar daripada pakar sastera serta penulis mapan dan berpengalaman, sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Setelah berjayanya menjejaki Everest Base Camp, Awang Abdul Halim merancang untuk mendaki gunung di Himalayan Nepal hingga ke puncaknya dan selain itu juga, beliau merancang untuk menakluki puncak Gunung Kinabalu pada bulan Disember ini nanti. Namun jika banyak sambutan daripada pendaki tempatan kita untuk ke Everest Base Camp, beliau juga bersedia untuk membukakan perjalanan ke sana nanti.

Semoga kejayaan pendakian ini akan menjadi inspirasi kepada yang lain bahawa untuk mencapai sesuatu impian itu perlu menempuh cabaran dan harus cekal dan kuat sebelum merasa kemanisan kejayaan yang diraih.

---

## ALAI PINTAR SOALAN 160

### SOALAN 5 NOVEMBER 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Antara berikut, manakah aktiviti yang baik untuk kesihatan jantung?
   a) Menonton televisyen
   b) Berlari dan bersukan
   c) Tidur sepanjang hari
2. Apakah separuh daripada 100?
   a) 25
   b) 50
   c) 10
3. Antara berikut, yang manakah bukan benda hidup?
   a) Kucing
   b) Batu
   c) Burung

**TARIKH TUTUP : 15 NOVEMBER 2025**

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - **Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.**
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..................................................
Tarikh Lahir : ..................................................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..................................................
Sekolah : ..................................................
Tahun : ..................................................
Alamat : ..................................................
..................................................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..................................................

### HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### PEMENANG ALAI PINTAR 159 :

Nama : Md. Arsyad Syahran bin Md. Syafiie
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0122044-01. Sekolah : Sekolah Rendah Katok B

Nama : Muhammad Aqiel Zaqwan Ar-Rayyan bin Azmey
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0133366-01. Sekolah : Sekolah Rendah Masin

Nama : Md. Waie bin Md. Azrin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0134083-01. Sekolah : Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata, Gadong

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 159

1. C – Mengucap dua kalimah syahadah
2. C – Bandar Seri Begawan
3. C – 48



# Biasakan diri makan buah, sayur

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

TABIAT memakan buah-buahan dan sayur-sayuran sememangnya amat ditekankan dalam amalan pemakanan seharian. Dalam piring yang kita gunakan setiap hari, kita disarankan menggunakan formula suku, suku, separuh iaitu suku untuk karbohidrat, suku untuk protein dan setengah untuk sayur-sayuran. Sebagai pemanis mulut, disaran untuk mengambil buah satu hidangan.

Setiap orang disarankan untuk makan dua hidangan buah dan tiga hidangan sayur setiap hari. Kumpulan makanan sayur-sayuran dan buah-buahan diletakkan pada dasar piramid. Ini bermakna sayur-sayuran dan buah-buahan perlu diambil dengan jumlah yang paling banyak berbanding kumpulan makanan lain, iaitu sekurang-kurangnya tiga sajian sayur-sayuran dan dua sajian buah-buahan setiap hari. Buah-buahan dan sayur-sayuran merupakan sumber vitamin dan mineral yang penting dalam meningkatkan keupayaan badan melawan penyakit.

Mendapatkan buah-buahan dan sayur-sayuran pada jumlah yang disarankan (atau lebih), dikaitkan dengan risiko yang lebih rendah untuk berat badan berlebihan, dan membanyakkan buah-buahan dan sayur-sayuran dalam diet dikaitkan dengan penurunan berat badan.

Sememangnya sudah banyak penelitian yang membuktikan bahawa makan buah dan sayur setiap hari memberikan manfaat yang besar bagi kesihatan tubuh.

Adapun manfaat memakan buah dan sayur setiap hari ialah membantu menurunkan tekanan darah; memelihara kesihatan usus; mencegah sembelit; melancarkan sistem pencernaan; menjaga berat badan ideal dan obesiti; melindungi tubuh dari penyakit diabetes, serta mengurangi risiko penyakit jantung dan strok.

Baru-baru ini di dalam perutusan sempena Sambutan Hari Strok Sedunia 2025, telah dinyatakan lebih 90 peratus rakyat dewasa tidak mengambil jumlah buah-buahan dan sayur-sayuran yang mencukupi setiap hari. Angka ini amat membimbangkan dan menggambarkan bahawa tabiat memakan buah-buahan dan sayur-sayuran amat rendah sekali. Ini perlu diubah agar kita dapat membina masyarakat sihat dan jauh dari pelbagai penyakit. Kita tidak mahu apabila sudah dilanda penyakit, barulah kita mengubah tabiat pemakanan kita kepada yang lebih baik.

Tabiat tidak suka kepada rasa buah dan sayur-sayuran bukan sahaja kerana selera bahkan tekstur makanan itu juga membuat seseorang jadi tidak suka buah dan sayur.

Namun rasa ini boleh diubah mengikut kreativiti masing-masing agar buah dan sayur-sayuran itu dapat dimakan dengan menyelerakan.

**Makanan tinggi serat**

Makanan tinggi serat tidak hanya untuk melancarkan proses buang air besar atau mencegah penyakit kronik, tapi juga dapat membantu menurunkan berat badan. Buah-buahan dan sayur-sayuran kaya dengan serat dan air serta rendah kalori, yang bermaksud ia membuatkan kita kenyang tanpa memberikan kalori yang berlebihan.

**Memupuk tabiat makan buah, sayur**

Untuk memupuk tabiat makan buah dan sayur, bolehlah dimulakan dengan langkah kecil seperti menyediakan stok di rumah dengan memotong buah dan disimpan dalam bekas lalu dimasukkan ke dalam peti sejuk pada bahagian hadapan. Buah seperti pisang juga boleh disimpan di atas meja makan agar selalu terlihat dan mudah untuk disantap. Manakala sayur pula boleh dipotong awal dan disimpan dalam bekas bagi menjimatkan masa memasak terutama pada hari bekerja. Ramai golongan ibu yang berkongsi dalam media sosial tentang cara memilih ketika membeli dan menyimpan sayur dalam peti sejuk agar kesegarannya bertahan lama.

Selain itu, ia juga boleh diolah dengan cara menarik dan kreatif. Buatlah ia secara konsisten dan kreatif, agar tabiat ini bertahan lama. Mulailah dari buah mahupun sayur yang disukai dan tidak perlu memaksa diri memakan sayur yang rasanya pahit. Pilih dahulu buah dan sayur yang rasanya sesuai dengan lidah awda, kemudian perlahan-lahan variasikan. Kita juga tidak perlu membeli buah import yang harganya mahal, kerana buah tempatan juga banyak khasiatnya dengan harga yang berpatutan.

Selain itu, buah dan sayur-sayuran boleh dicampurkan ke dalam menu harian seperti tambahkan potongan buah ke dalam bijirin, *oatmeal*, atau yogurt. Masukkan sayur ke dalam sup, nasi goreng, atau mi. Boleh juga dibuat jus atau *smoothie* sebagai alternatif minuman manis.

Sekiranya mempunyai kekangan masa untuk memasak sayur, boleh saja dibuat ulam mahupun salad dengan pilihan *dressing* sihat untuk memberi rasa. Apa yang penting stok sayur yang sesuai sentiasa ada dalam peti sejuk awda.

Selain itu, memakan sayur dan buah-buahan ini hendaklah dijadikan sebagai kebiasaan dalam keluarga. Ibu bapa harus memulakan tabiat ini agar anak-anak lebih mudah meniru. Jika seluruh keluarga terbiasa makan buah dan sayur, pola ini akan lebih cepat melekat.

Bagi mencegah rasa bosan, sentiasalah mencuba dengan memvariasikan olahan kepada buah bermusim atau sayur yang jarang dimasak.

Menyajikan buah berwarna-warni dalam piring, dengan sayur beraneka warna boleh memberi penampilan yang menarik pada piring dan meningkatkan selera makan.

**Penutup**

Apabila kita makan lebih banyak buah-buahan dan sayur-sayuran, terdapat kurang ruang dalam diet kita untuk makanan lain yang mungkin tidak sihat misalnya keinginan makan keropok atau snek pada lewat malam.

Makan lebih banyak buah-buahan dan sayur-sayuran membantu mengurangkan berat badan, yang juga membantu mencegah perkembangan diabetes jenis 2. Buah-buahan dan sayur-sayuran juga tinggi serat, yang membantu mengawal gula dalam darah. Paling penting, ia mengenyangkan perut kita pada kalori yang rendah.

Ingatlah bahawa jika kita kurang makan buah dan sayur secara berpanjangan, ia boleh merosakkan kesihatan awda secara serius. Janganlah ketika kita sudah dilanda pelbagai penyakit, barulah berusaha mengubah tabiat pemakanan kita, kerana waktu itu sudah agak terlambat. Jagalah pemakanan kita semasa masih sihat agar kesihatan baik itu dapat dicapai secara berpanjangan.



# Adakah Sah Wudhu Tanpa Muwalah?

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**SALAH** satu tuntutan sunat ketika berwudhu ialah *muwalah* iaitu berturut-turut dalam membasuh atau menyapu dari satu anggota wudhu ke anggota yang lain.

Mengenai perkara *muwalah* dalam wudhu ini, walaupun orang ramai secara umumnya sudah maklum bahawa *muwalah* hukumnya sunat, terdapat sebahagian orang yang menganggap bahawa jika jarak waktu membasuh atau menyapu di antara dua anggota wudhu itu terlalu lama, umpamanya dia membasuh tangan hingga ke siku setelah air basuhan di mukanya kering kerana jarak waktu yang lama di antara membasuh tangan dengan membasuh muka itu, maka wudhu tidak sah. Adakah anggapan ini tepat?

Menurut para ulama, tuntutan *muwalah* yang disunatkan dalam wudhu ialah membasuh atau menyapu anggota wudhu secara berturut-turut. *Muwalah* atau berturut-turut dalam wudhu dikira tertunai dengan membasuh atau menyapu anggota wudhu yang seterusnya dalam jarak waktu sekira-kira belum kering air wudhu pada anggota sebelumnya.

Sekiranya basuhan atau sapuan antara dua anggota wudhu terpisah dalam jarak waktu yang melebihi dari jarak waktu yang dinyatakan di atas, iaitu hingga kering air wudhu pada anggota yang sebelumnya, maka *muwalah* dikira telah terputus kerana jarak waktu tersebut dikira sebagai jarak waktu yang lama. Sekiranya tidak sampai ke tahap tersebut, iaitu tidak sampai kering air wudhu pada anggota yang sebelumnya, maka *muwalah* tidak terputus kerana ia dianggap jarak waktu yang tidak lama.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan dalam kitabnya al-Majmu' bahawa yang diambil kira dalam penetapan sama ada jarak waktu di antara basuhan satu anggota wudhu dengan anggota yang lain dianggap lama atau sebaliknya ialah perkiraan dalam keadaan cuaca yang sederhana dan tabiat badan yang normal. Oleh yang demikian, tidak diambil kira air wudhu yang lambat kering dalam keadaan cuaca yang sangat sejuk, atau air wudhu yang cepat kering kerana cuaca terlalu panas atau suhu badan seseorang yang terlalu panas atau terlalu sejuk kerana demam dan seumpamanya.

Bagi orang yang menunaikan tuntutan sunat membasuh atau menyapu anggota wudhu tiga-tiga kali, maka basuhan atau sapuan yang diambil kira dalam tuntutan *muwalah* di antara dua anggota ialah basuhan yang ketiga. Ini bererti, bagi menunaikan *muwalah*, basuhan atau sapuan yang ketiga itu hendaklah belum kering ketika membasuh atau menyapu anggota yang seterusnya. Bahkan menurut Imam Ibn Qasim *Rahimahullah*, bagi menunaikan *muwalah*, pendapatyang lebih kuat ialah disyaratkan juga ada *muwalah* di antara basuhan atau sapuan yang pertama dan kedua. Ini bererti, bagi menunaikan tuntutan *muwalah* dalam wudhu, selain dituntut *muwalah* antara dua anggota wudhu, *muwalah* juga dituntut dalam satu anggota wudhu yang dibasuh secara tiga-tiga kali iaitu *muwalah* di antara basuhan atau sapuan yang pertama dan kedua serta di antara basuhan atau sapuan yang kedua dengan ketiga.

Dalil yang menunjukkan bahawa *muwalah* sunat dilakukan dalam berwudhu ialah hadits daripada Nafi' *Rahimahullah*, dia berkata:

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Ibn 'Umar (Radhiallahu 'anhuma) berwudhu di pasar, lalu beliau membasuh kedua tangannya, mukanya dan kedua lengannya tiga (kali) tiga (kali), kemudian beliau masuk ke masjid lalu menyapu pada kedua khuffnya setelah (air) wudhunya kering, lalu beliau pun mengerjakan sembahyang.*

(Hadits riwayat al-Baihaqi dalam as-Sunan al-Kubra)

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, hadits tersebut menunjukkan bahawa muwalah dalam wudhu tidak wajib kerana Ibn 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* sendiri pernah meninggalkan *muwalah* tanpa ada seseorang pun yang ada bersama beliau ketika itu mengingkari perbuatannya. Tambahan pula, wudhu merupakan ibadah yang tidak akan batal jika berlaku pemisahan atau penjarakan waktu. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj:

**Ertinya:** *Dan (berdasarkan riwayat) shahih daripada Ibn 'Umar (Radhiallahu 'anhuma), beliau (mengambil wudhu) secara terpisah-pisah dan tidak ada seorang pun yang mengingkarinya. Dan demikian juga (mengambil wudhu secara terpisah-pisah adalah harus) kerana ia ibadah yang tidak dibatalkan oleh jarak (waktu) yang sedikit (tidak lama), maka begitu juga (tidak batal oleh jarak waktu) yang banyak (lama) sepertimana (dalam) ibadah haji.*

Menurut Imam al-Baihaqi *Rahimahullah*, pendapat bahawa muwalah dalam wudhu tidak wajib merupakan pendapat yang lebih shahih daripada dua pendapat Imam asy-Syafi'i *Rahimahullah* serta pendapat beberapa ulama lain seperti Imam al-Hasan al-Bashri dan Imam Ibrahim an-Nakha'i *Rahimahumallah*.

Menurut Imam Zakaria al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Ghurar al-Bahiyyah, tuntutan *muwalah* juga disunatkan sebagai jalan keluar daripada perbezaan pendapat para ulama yang sebahagiannya mengatakan bahawa *muwalah* dalam wudhu hukumnya wajib.

Ini bererti, tuntutan membasuh anggota wudhu secara berturut-turut dengan membasuh anggota wudhu yang seterusnya sebelum kering air wudhu pada anggota sebelumnya itu adalah sunat sahaja dan meninggalkannya tidak menyebabkan wudhu tidak sah. Walau bagaimanapun, menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah*, meninggalkan *muwalah* dalam wudhu hukumnya makruh.

Sekiranya berlaku pemisahan yang lama jaraknya sehingga menjadi luput niat wudhu, adakah seseorang itu perlu membaharui niat bagi menyambung membasuh atau menyapu anggota selepasnya? Menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah*, dalam keadaan sedemikian orang tersebut tidak perlu membaharui niat. Beliau berkata dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj:

**Ertinya:** *Dan pemisahan (waktu) yang banyak (antara anggota wudhu) tidak memerlukan pembaharuan niat apabila ia (niat) telah hilang (luput), kerana hukumnya (niat) masih tetap ada.*

Tuntutan *muwalah* dalam wudhu, sekalipun hukum asalnya adalah sunat, namun ia boleh menjadi wajib dalam beberapa keadaan. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj:

**Ertinya:** *Dan adakalanya muwalah menjadi wajib disebabkan kesempitan waktu (sembahyang) dan dalam wudhu seseorang (penghidap) seperti air kencing sentiasa keluar.*

Berdasarkan perkataan Imam ar-Ramli *Rahimahullah* di atas, sekalipun hukum asal *muwalah* dalam wudhu adalah sunat, ia hanya sunat sekiranya ketika berwudhu itu waktu sembahyang masih panjang. Sekiranya waktu sembahyang sudah singkat, maka *muwalah* menjadi wajib kerana dikhuatiri waktu sembahyang akan luput jika wudhu dikerjakan tanpa *muwalah*.

Begitu juga *muwalah* dalam wudhu hanya sunat dalam keadaan biasa bagi orang yang sihat. Adapun dalam wudhu bagi orang yang sentiasa dalam keadaan berhadats, seperti wudhu orang yang mengalami masalah air kencing sentiasa keluar atau perempuan yang mengalami istihadhah, maka *muwalah* adalah wajib. Sekiranya orang yang mengalami keadaan di atas meninggalkan *muwalah*, hukumnya adalah haram. Walau bagaimanapun, wudhunya tetap sah.

Dari penjelasan di atas, dapat difahami bahawa tuntutan *muwalah* dalam wudhu hanya sunat dan meninggalkannya pula tidak akan menyebabkan wudhu menjadi tidak sah sekalipun lama jarak masa di antara dua anggota wudhu yang dibasuh atau disapu. *Muwalah* hanya akan menjadi wajib sekiranya ketika berwudhu itu waktu sembahyang sudah singkat atau orang yang berwudhu itu ialah orang yang sentiasa dalam keadaan berhadats.

Sekalipun demikian, melakukan *muwalah* dalam wudhu adalah afdhal daripada meninggalkannya dan dengan melakukannya kita akan mendapat pahala dan wudhu akan menjadi lebih sempurna. *Muwalah* juga seeloknya tidak ditinggalkan kerana ada pendapat yang mengatakan bahawa memisahkan wudhu boleh menyebabkan wudhu tidak sah jika jarak waktu pemisahan di antara dua basuhan itu adalah lama dan dilakukan tanpa sebarang keuzuran. Adapun jika ada keuzuran pula, contohnya kerana terlupa, kehabisan air ketika sedang berwudhu lalu dia terpaksa mencari air untuk menyambung wudhunya atau kerana semasa berwudhu dia takut akan sesuatu lalu dia melarikan diri, maka tidak ada pendapat yang mengatakan wudhu tidak sah.

MENUJU KEREDAAN ALLAH

# Kelebihan memberi salam

**MENGUCAP** atau memberi salam adalah sangat digalakkan dalam Islam. Salam merupakan salah satu lambang atau simbol yang boleh mengukuhkan serta meningkatkan perpaduan di kalangan umat Islam.

Salam ialah ucapan penghormatan yang ditujukan kepada sesama muslim ketika berjumpa, memulakan perbualan atau mengakhirinya dan sebagainya.

Memberi salam adalah satu amalan atau perbuatan yang dianjurkan oleh agama Islam kepada umatnya sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

*"Jika salah seorang dari kamu bertemu dengan saudaranya hendaklah ia mengucapkan salam".*

Memulakan salam hukumnya sunat iaitu satu perkara yang sangat dituntut kerana salam itu merupakan syiar Islam. Jika dalam satu kumpulan hanya seorang sahaja yang memulakan salam, maka ianya adalah memadai, tetapi jika semua memberi salam, itu lebih utama lagi.

Membalas salam atau menjawab salam itu pula hukumnya wajib. Ini berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nisaa', ayat 86 yang mafhumnya:

*"Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan suatu ucapan hormat (seperti memberi salam) maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya atau balaslah ia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah memperhitungkan tiap-tiap sesuatu".*

Dari ayat tersebut jelas bahawa jika seseorang diberi penghormatan oleh orang lain, wajiblah dibalas penghormatan tersebut dengan penghormatan yang seumpamanya. Tetapi jika seseorang dapat membalas melebihi dari penghormatan yang diberikannya, maka itu adalah lebih baik lagi. Misalnya: Jika ada seorang muslim mengucapkan *"Assalamualaikum"* jawablah atau balaslah *"Wa'alaikumsalam"* sekadar menjawab salam kerana menunaikan yang wajib. Sebaik-baiknya hendaklah melebihkan lafaznya dengan: *"Wa'alaikumsalam Warahmatullaahi"* atau yang terlebih baik lagi ialah *"Wa'alaikumsalam Warahmatullaahi Wabarakaatuh".*

Ayat tersebut juga memberi isyarat supaya kita mengambil berat dalam pergaulan sesama manusia, dan membalas hormat orang yang menghormati kita itu adalah wajib.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memberi keutamaan kepada sesiapa yang mendahului memberi salam sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud daripada Abu Umamah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

*"Orang yang paling utama di sisi Allah adalah orang yang memulai dalam mengucapkan salam".*

Memberi salam ketika hendak masuk ke rumah atau satu tempat adalah satu amalan yang baik dan amat dituntut di dalam Islam sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nuur, ayat 27 yang mafhumnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke dalam rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu, mudah-mudahan kamu sentiasa beringat".*

Ayat tersebut menerangkan bahawa jika seseorang hendak masuk ke rumah sama ada rumahnya sendiri ataupun rumah orang lain, hendaklah terlebih dahulu memberi salam sebagai tanda yang ianya meminta izin hendak masuk, atau dengan mengetuk pintu perlahan-lahan. Dengan memberi salam kepada ahli sesebuah rumah diharapkan akan menambahkan lagi keberkatan, kebaikan dan pahala sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Rasulullah di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Anas Radhiallaahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

*"Wahai anakku, jika kamu masuk menemui keluargamu, ucapkanlah salam, nescaya akan menjadi berkah bagimu dan bagi keluargamu".*

Di samping itu, ucapan salam itu akan menjadikan mereka senang hati dan sedap mendengarnya.

# REPUBLIK INDONESIA CATAT 11.43 JUTA KETIBAAN PELANCONG ASING DALAM TEMPOH 9 BULAN

**JAKARTA**, 4 Nov. - Republik Indonesia mengalu-alukan 11.43 juta ketibaan pelancong asing dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2025, meningkat 10.22 peratus daripada tempoh yang sama tahun lepas, kata Statistik Indonesia (BPS) pada hari Isnin.

Pada bulan September sahaja, 1.39 juta pelawat asing memasuki negara ini, menandakan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 9.04 peratus.

"Bilangan pelancong asing terbesar pada bulan September datang dari Malaysia, Australia, dan Republik Singapura," kata Pudji Ismartini, timbalan jabatan statistik pengedaran dan perkhidmatan di BPS, pada sidang akhbar.

Lapangan Terbang Antarabangsa I Gusti Ngurah Rai Bali kekal sebagai pintu masuk paling sibuk, mengendalikan 634,482 ketibaan, menurut agensi itu. - ©XINHUA



**ORANG ramai melawat Candi Borobudur, sebuah tapak warisan dunia yang disenaraikan oleh UNESCO, di Magelang, Jawa Tengah, Republik Indonesia. - ©XINHUA**

# Brazil, Interpol musnahkan 277 kapal korek haram dalam operasi di Amazon

**RIO DE JANEIRO**, 4 Nov. - Polis Persekutuan Brazil dengan sokongan Interpol melancarkan operasi besar-besaran menentang kegiatan perlombongan emas haram di hutan Amazon dengan memusnahkan ratusan kapal korek yang digunakan kumpulan jenayah, lapor agensi berita Republik Persekutuan Jerman dpa.

Polis memusnahkan sebanyak 277 kapal korek di sepanjang Sungai Madeira yang dianggarkan bernilai kira-kira US$7 juta, menurut kenyataan Interpol.

Lebih 100 pegawai terlibat dalam operasi bersepadu itu yang turut disertai pasukan keselamatan dari Bolivia, Colombia, Guyana, Peru dan Suriname.

Jumlah kerugian ekonomi akibat aktiviti haram itu dianggarkan mencecah sekitar US$193 juta, termasuk kerugian hasil serta kerosakan alam sekitar.

Operasi terbabit merupakan misi pertama yang diselaras di bawah Pusat Kerjasama Polis Antarabangsa Amazon (CCPI Amazônia) yang berpangkalan di Brazil.

Pusat itu ditubuhkan bagi memperkukuh siasatan rentas sempadan dan perkongsian risikan antara negara-negara di rantau Amazon dalam usaha memerangi jenayah alam sekitar.

"Operasi ini menandakan babak baharu dalam usaha bersama kita melindungi hutan Amazon," kata Setiausaha Agung Interpol Valdecy Urquiza.

Perlombongan emas haram merupakan antara ancaman alam sekitar terbesar di Amazon, disebabkan penebangan hutan, pencemaran sungai serta keracunan merkuri.

Kumpulan alam sekitar menganggarkan ribuan lombong haram masih beroperasi di Brazil sahaja. - ©BERNAMA

# 7 maut dalam runtuhan salji di Nepal

**KATHMANDU**, 4 Nov. - Tujuh pendaki maut dalam kejadian runtuhan salji di tengah Nepal pada Isnin, menurut polis, lapor Xinhua.

Sekumpulan 15 pendaki, terdiri daripada lima warga asing dan 10 malim gunung Nepal dilaporkan berada di kawasan kejadian runtuhan salji di kem asas Gunung Yalung Ri, daerah Dolakha.

"Tujuh mayat telah ditemukan termasuk lima warga asing dan dua rakyat Nepal.

"Tiga daripada mereka ialah warga Amerika Syarikat, seorang warga Itali dan seorang warga Kanada," kata Ketua Polis Daerah Gyan Kumar Mahato kepada Xinhua, sambil menambah bahawa empat lagi cedera dan empat masih hilang.

Sebuah helikopter telah dikerah bagi operasi menyelamat, namun gagal mendarat akibat cuaca buruk, katanya.

Sehingga Jumaat lalu, Nepal memberi kebenaran kepada 1,450 pendaki untuk menawan 59 gunung sepanjang musim pendakian musim luruh yang berlangsung dari September hingga November. - ©BERNAMA

# Satelit komunikasi terberat Republik India tingkat keupayaan pengawasan tentera laut

**NEW DELHI**, 3 Nov. - Pelancaran satelit komunikasi terberat Republik India akan meningkatkan keupayaan pengawasan Tentera Laut negara itu.

Pertubuhan Penyelidikan Angkasa Lepas India (ISRO) menggunakan roket angkat berat LVM3-M5 untuk melancarkan satelit CMS-03 seberat 4.4 tan (juga dikenali sebagai GSAT-7R) dari Pusat Angkasa Satish Dhawan di negeri Andhra Pradesh pada Ahad.

Satelit berbilang jalur itu akan menyediakan liputan di tanah besar Republik India serta wilayah lautan luas di sekitar Republik India.

"Satelit ini akan memperkukuh komunikasi berasaskan angkasa lepas dan keupayaan kesedaran domain maritim Tentera Laut," menurut Kementerian Pertahanan, sambil menyifatkannya sebagai satelit paling canggih setakat ini untuk kegunaan tentera laut.

Kementerian itu dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa satelit berkenaan akan menyediakan "liputan telekomunikasi kukuh di seluruh rantau Lautan Hindi" dan "meningkatkan ketersambungan dengan ketara melalui lebar jalur berkapasiti tinggi, membolehkan pautan komunikasi yang lancar dan selamat antara kapal, pesawat, kapal selam, dan Pusat Operasi Maritim" tentera laut. - ©BERNAMA

# Bekas pensyarah rugi lebih RM200,000 angkara panggilan palsu

**KUANTAN**, 3 Nov. - Seorang pesara kerugian lebih RM200,000 selepas terpedaya dengan *phone scam* atau panggilan palsu yang mendakwa wanita itu terlibat dalam kegiatan pengubahan wang haram.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman berkata bekas pensyarah berusia 59 tahun itu pada mulanya menerima panggilan telefon daripada seorang individu yang menyamar sebagai wakil sebuah syarikat insurans memaklumkan kononnya terdapat tuntutan sebanyak RM68,000 melibatkan mangsa.

Beliau berkata panggilan itu kemudian disambung kepada beberapa individu yang mengaku sebagai pegawai polis dan timbalan pendakwa raya, mendakwa mangsa terlibat dalam kes pengubahan wang haram.

"Mangsa seterusnya diarahkan membuka akaun bank baharu dan memindahkan wang ke akaun yang diberikan kononnya untuk tujuan siasatan sebelum membuat 10 transaksi menggunakan wang simpanan sendiri dan pinjaman peribadi antara 9 April hingga 12 Jun lepas," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Yahaya berkata wanita itu menyedari telah diperdaya selepas suspek sekali lagi meminta wang daripadanya dan membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan. - ©BERNAMA

# Republik Indonesia siap siaga hadapi banjir, angin kencang menjelang kemuncak musim hujan

**JAKARTA**, 3 Nov. - Agensi Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik (BMKG) Republik Indonesia memberi amaran mengenai peningkatan risiko banjir, tanah runtuh dan angin kencang susulan kebanyakan wilayah di negara itu kini memasuki kemuncak musim hujan, dengan hujan lebat sudah melanda beberapa kawasan di Pulau Jawa.

BMKG memaklumkan hampir 44 peratus wilayah di seluruh negara telah memasuki musim hujan, dengan kemuncaknya dijangka berlaku antara Disember 2025 dan Januari 2026.

"Hujan sederhana hingga lebat telah direkodkan di Banten, Jakarta, Jawa Barat, Jawa Tengah dan Yogyakarta, dengan jumlah taburan harian mencecah sehingga 150 milimeter di beberapa kawasan," kata Ketua BMKG Dwikorita Karnawati dalam satu kenyataan.

Beliau berkata angin monsun aktif dan suhu permukaan laut yang lebih panas telah menyebabkan atmosfera menjadi tidak stabil dan kaya dengan lembapan, sekali gus mendorong peningkatan hujan baru-baru ini.

BMKG turut memberi amaran bahawa aktiviti siklon tropika di selatan Republik Indonesia dijangka semakin meningkat bulan ini, membawa risiko hujan lebat dan laut bergelora di sekitar Jawa, Bali dan Nusa Tenggara.

Hujan lebat turut diramalkan di kebanyakan kawasan di kepulauan itu minggu ini, termasuk Sumatera, Jawa, Bali, Kalimantan, Sulawesi dan Maluku, dengan amaran cuaca dikeluarkan bagi Banten, Jakarta, Jawa Barat, Jawa Tengah, Yogyakarta dan Papua.

Agensi itu menggesa penduduk agar sentiasa berwaspada, mengelak daripada berteduh di bawah pokok atau papan iklan semasa ribut, serta mendapatkan ramalan terkini melalui aplikasi mudah alih Info BMKG. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




# TANAI TANGGUNGJAWAB, AMANAH, JAGA DISIPLIN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BERAKAS**, Isnin, 3 November. - Atlet-atlet dan pegawai-pegawai kontinjen negara diingatkan untuk menjauhkan diri dari apa jua bahan-bahan terlarang serta mematuhi akta dan peraturan Anti-Doping yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA).

Naib Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), Awang Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani menyatakan perkara tersebut semasa membacakan teks sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden BDNOC pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke 6th Islamic Solidarity Games 2025, Riyadh, Saudi Arabia bertempat di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, hari ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dalam teks sabda turut mengingatkan agar para atlet dan pegawai-pegawai akan sentiasa menanai tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik dan sempurna serta menunjukkan disiplin yang tinggi semasa berada di Riyadh nanti, demi menjaga nama baik NBD.

"Saya juga berharap supaya atlet-atlet akan dapat mengambil kesempatan dalam 6th Islamic Solidarity Games nanti, untuk meningkatkan mutu persaingan dan mempamerkan semangat juang yang sangat tinggi dalam menghadapi saingan mereka kerana inilah kesempatan bagi atlet-atlet untuk bersaing dengan atlet-atlet dari negara-negara Islam dari seluruh dunia dan janganlah disia-siakan kesempatan ini kerana ini akan menentukan masa depan atlet-atlet dalam menghadapi kejohanan yang lebih bermutu tinggi," sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

DYTM seterusnya bersabda ingin mengingatkan semua pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih kontinjen untuk memastikan dan menjaga keselamatan atlet-atlet negara dari sebarang gangguan mental dan fisikal dan penderaan, sama seperti matlamat Perlindungan Atlet (Safeguarding Athlete) yang mana BDNOC sentiasa mengambil berat mengenainya.

DYTM dalam sabda turut mendoakan agar kontinjen negara yang terdiri dari atlet-atlet, jurulatih dan pegawai, akan sentiasa sihat walafiat dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdahulu, DYTM bersabda merakamkan setinggi - tinggi terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas sokongan yang diberikan kepada BDNOC bagi menghantar satu kontinjen dalam tiga acara sukan iaitu Sukan Fencing, seramai seorang atlet lelaki dan seorang atlet wanita; Sukan Karate seramai seorang atlet lelaki dan seorang atlet wanita. Manakala, Sukan Angkat Berat, seramai dua atlet lelaki dan seorang atlet wanita.

DYTM turut mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet yang terpilih bagi mewakili negara dan berasa juga amat berbangga kerana tiga daripada tujuh atlet yang terpilih adalah atlet wanita, di mana ini adalah menunjukkan akan komitmen negara untuk memajukan penglibatan dan kepimpinan wanita dalam sukan.

Penyertaan mereka ini, sabda DYTM lagi, adalah selari dengan Pelan Strategik Wanita dalam Sukan BDNOC di mana mempromosikan penyertaan wanita dalam sukan secara inklusif dan seterusnya kesempatan dalam pemerkasaan wanita dalam sukan, selain memastikan keseimbangan jantina dalam sukan.

Sementara itu sabda DYTM, seramai tiga jurulatih, dua pegawai urusetia dan seorang Chef de Mission akan turut mengiringi atlet-atlet kebangsaan di 6th Islamic Solidarity Games nanti.



**NAIB Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), Awang Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani semasa membacakan teks sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden BDNOC.**

# Penyerahan bendera kepada kontinjen NBD



**PENYERAHAN bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan kepada Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke 6th Islamic Solidarity Games 2025, Riyadh, Arab Saudi.**

**BERAKAS**, Isnin, 3 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menghantar kontinjen bagi menyertai 6th Islamic Solidarity Games 2025 yang akan berlangsung secara rasminya bermula pada 7 hingga 21 November 2025 di Riyadh, Arab Saudi.

Kontinjen NBD dianggotai seramai 13 orang terdiri daripada tujuh atlet dan enam pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urus Setia dan jurulatih.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen NBD ke 6th Islamic Solidarity Games 2025, Riyadh, Arab Saudi berlangsung hari ini di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, hari ini.

Hadir menyempurnakan majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia, Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan yang juga membacakan Doa Selamat pada akhir majlis.

Majlis kemudiannya diikuti dengan Naib Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), Awang Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani menyampaikan teks sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden BDNOC.

Majlis seterusnya penyerahan bendera NBD disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan) kepada Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke 6th Islamic Solidarity Games 2025, Riyadh, Arab Saudi.

Pada sukan kali ini, NBD akan menyertai sebanyak tiga acara sukan iaitu Lawan Pedang, Karate dan Angkat Berat. Edisi tahun ini merupakan penyertaan negara kali ke-5 pada sukan tersebut dan penyertaan terakhir NBD ialah pada tahun 2022 di 5th Islamic Solidarity Games di Konya, Republik Turkiye.

Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Kuasa Usaha Sementara, Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi di NBD, Hani Yahya Maghrabi; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan pegawai-pegawai kanan KKBS serta para ibu bapa dan penjaga atlet.

# Moto3 : Hakim Danish bawa momentum positif dari Barcelona ke GP Portugal

**KUALA LUMPUR**, 4 Nov. - Pelumba muda berbakat negara Muhammad Hakim Danish Ramli bakal turun dalam saingan Moto3 pada Grand Prix (GP) Portugal dari 7 hingga 9 November ini, dengan momentum positif dilakar pada saingan Kejuaraan Dunia FIM JuniorGP (JrGP) di Barcelona minggu lepas.

Hakim Danish berkata pencapaian meraih tempat kesembilan pada perlumbaan 1 dan kedudukan keenam pada perlumbaan 2 di Barcelona menyuntik semangat untuk memberikan segala-galanya dalam penampilan kedua bagi saingan Moto3 selepas membuat kemunculan sulung atas tiket *wildcard* pada GP Malaysia bulan lepas.

"Ia (Barcelona) adalah satu langkah yang luar biasa bagi saya, dan saya fokus untuk belajar sebanyak mungkin sambil memberikan prestasi terbaik di litar.

"Saya akan bekerjasama rapat dengan pasukan dan kru bagi memastikan kami bersedia sepenuhnya dan kompetitif," katanya dalam kenyataan hari ini.

Pelumba berusia 18 tahun itu diberi peluang membuat penampilan dalam dua saingan terakhir Moto3 musim ini iaitu pada GP Portugal diikuti GP Valencia (14 hingga 16 November) mewakili FRINSA MT Helmets MSI bagi menggantikan Ryusei Yamanaka dari Jepun yang terpaksa menamatkan kempennya lebih awal pada musim ini.

Yamanaka disahkan mengalami kecederaan pada jari kelengkeng kirinya yang memerlukan pembedahan, sekali gus membuka laluan buat pelumba dari Terengganu itu untuk mengutip pengalaman berharga dalam saingan Moto3 sebelum memulakan kempen penuh bersama MSI Racing Team musim depan.

Hakim Danish yang sebelum ini beraksi untuk AEON CREDIT SIC Racing MSI tidak berjaya menamatkan perlumbaan Moto3 susulan masalah teknikal pada GP Malaysia 2025 di Litar Antarabangsa Sepang, 26 Oktober lepas. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SALAM SALAH SATU LAMBANG MENGUKUHKAN MENINGKATKAN PERPADUAN ISLAM